

**SEJARAH KEDATANGAN TARIAN DABUS DI KAMPUNG TANJUNG  
BIDARA, BATU GAJAH, PERAK DAN TATACARA TARIAN DABUS**

**DANISH FAKHRUSY SYAKIRIN BIN HISHAMUDDIN**

UNIVERSITI  
MALAYSIA  
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN  
KELANTAN

**2024**



**SEJARAH KEDATANGAN TARIAN DABUS DI KAMPUNG TANJUNG  
BIDARA, BATU GAJAH, PERAK DAN TATACARA TARIAN DABUS**

**DANISH FAKHRUSY SYAKIRIN BIN HISHAMUDDIN**

Projek Penyelidikan ini disediakan untuk memenuhi syarat kelayakan bagi Ijazah Sarjana  
Muda Pengajian Warisan Dengan Kepujian

Fakulti Teknologi Kreatif Dan Warisan

**UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN**

**2023**

## PERAKUAN TESIS


Saya dengan ini memperakukan bahawa kerja yang terkandung dalam tesis ini adalah hasil penyelidikan yang asli dan tidak pernah dikemukakan oleh ijazah tinggi kepada mana-mana Universiti atau Institusi.

**TERBUKA**


Saya bersetuju bahawa tesis boleh didapati sebagai naskah keras atau akses terbuka dalam talian (teks penuh).

**SEKATAN**

Saya bersetuju bahawa tesis boleh didapati sebagai naskah keras atau dalam talian (teks penuh) bagi tempoh yang diluluskan oleh Jawatankuasa Pengajian Siswazah. Dari tarikh \_\_\_\_\_ hingga \_\_\_\_\_

**SULIT**

(Mengandungi maklumat sulit di bawah Akta Rahsia Rasmii 1972)\*

**TERHAD**

(Mengandungi maklumat terhad yang ditetapkan oleh organisasi di mana penyelidikan dijalankan)\*

Saya mengakui bahawa Universiti Malaysia Kelantan mempunyai hak berikut:

1. Tesis adalah hak milik Universiti Malaysia Kelantan.
2. Perpustakaan Universiti Malaysia Kelantan mempunyai hak untuk membuat Salinan tujuan pengajian sahaja
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian.

Tandatangan

*DANISH FAKHRUSY*

\_\_\_\_\_  
Danish Fakhrusy Syakirin Bin Hishamuddin

0000422-12-1911

Tarikh: 24 Februari 2024

Tandatangan Penyelia Utama

\_\_\_\_\_  
Prof, Madya Khairil Anwar

Dean Bin Kamarudin

Tarikh: 24 Februari 2024

Nota \* Sekiranya Tesis ini adalah SULIT atau TERHAD, sila kepilkan Bersama surat daripada organisasi dengan menyatakan tempoh dan sebab-sebab kerahsiaan dan sekatan.

## PENGHARGAAN

Terlebih dahulu, saya ingin memanjatkan rasa kesyukuran Alhamdulillah ke hadrat Illahi kerana izin dan berkat-Nya, saya dapat menyiapkan laporan penyelidikan bagi tugas akhir subjek PROJEK PENYELIDIKAN dalam tempoh masa yang ditetapkan. Selain itu, saya juga bersyukur kerana segala masalah dan kekangan yang timbul dalam menyiapkan laporan ini telah berjaya diatasi. Semua permasalahan ini telah menjadikan saya sebagai seorang yang mengenal erti kesabaran dan manisnya kejayaan ketika menghadapi sesuatu perkara.

Setinggi-tinggi ucapan terima kasih dan sejuta penghargaan ditujukan kepada Prof.Madya Khairil Anwar Dean bin Kamarudin selaku penyelia bagi projek penyelidikan yang telah banyak memberi tunjuk ajar dan juga membimbing kepada saya untuk menyiapkan tugas ini. Beliau juga telah banyak memberi dorongan dan kata-kata semangat kepada saya dalam menyiapkan tugas ini. Tanpa kata-kata semangat ini saya mungkin gagal dalam menyiapkan tugas ini.

Selain itu, tidak lupa juga setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada keluarga yang disayangi ayah saya Hishamuddin Bin Abdullah, ibu saya Rahimah Binti Mohd.Yunus dan adik-beradik saya yang tidak putus-putus memberikan dorongan dan semangat dalam meneruskan menyiapkan laporan akhir ini. Di samping itu, ucapan terima kasih juga ditujukan kepada sahabat sekelas saya yang telah banyak membantu dalam menjalankan penyelidikan ini. Segala kata-kata semangat, dorongan, pertolongan dan sokongan moral yang tidak berbelah bahagi ini saya amat hargai. Pertolongan ini secara tidak langsung membantu saya menyiapkan tugas ini.

## Sejarah Kedatangan Tarian Dabus Di Kampung Tanjung Bidara, Batu Gajah, Perak Dan Tatacara Tarian Dabus

### ABSTRAK

Tarian Dabus memegang tempat yang penting dalam budaya landskap di negeri Perak, Malaysia. Berakar umbi dalam tradisi masyarakat Melayu, bentuk tarian yang bertenaga berfungsi sebagai sebagai cara memelihara dan meraikan kekayaan warisan budaya di negara ini. Tarian Dabus dipersembahkan semasa majlis-majlis perayaan, majlis kebudayaan, dan perhimpunan komuniti. Tarian Dabus ini mempunyai gaya tarian yang memikat penonton dengan rentak berirama dan gerak kaki yang rumit. Kajian ini bertujuan untuk mengkaji mengenai sejarah kedatangan tarian dabus di Kampung Tanjung Bidara yang terletak di Batu Gajah, Perak. Kajian ini juga mengkaji tatacara tarian dabus ini. Tujuan utama kajian ini dilakukan untuk mengkaji sejarah kedatangan tarian dabus ini di negeri Perak dan penerimaan masyarakat terhadap tarian ini. Hal ini kerana tidak ramai yang tahu akan sejarah yang sebenar berkaitan kedatangan tarian ini di kawasan sekitar Batu Gajah. Di samping itu, kajian ini turut mengenal pasti persepsi masyarakat setempat terhadap tarian dabus ini. Tambahan pula, kajian ini juga mengkaji tatacara tarian dabus. Hal ini bertujuan untuk mengenal pasti elemen-elemen tarian yang ada pada tarian dabus. Selain itu, kajian ini juga mengenal pasti elemen muzik yang digunakan untuk mengiringi persembahan tarian dabus.

Kajian ini menggunakan dua kaedah iaitu kaedah kualitatif dan kuantitatif. Kaedah kualitatif digunakan untuk memudahkan pengkaji mencari maklumat di laman sosial dan bercetak untuk memudahkan pencarian data kajian. Kaedah kuantitatif digunakan untuk mencari data dari segi soal selidik dan temu bual. Hasil data yang diperolehi dapat memudahkan pengkaji dalam menyelesaikan kajian. Melalui analisa dari pencarian sejarah, temu bual dan pemerhatian dapat memberikan pandangan yang berharga tentang tarian dabus sebagai fenomena budaya. Dengan memahami dan menghayati tarian dabus, tarian ini mendapat penghargaan yang lebih mendalam.

## History of the Arrival of Dabus Dance in Tanjung Bidara Village Batu Gajah Perak and Dabus Dance Procedures.

### ABSTRACT

*A significant part of the landscape culture of the state of Perak, Malaysia, is dabus dance. This vibrant dance style, which is rooted in the Malay community, serves as a means of preserving and celebrating the rich cultural heritage of the nation. Dabus dance is performed at festivals, cultural occasions, and community meetings. Rhythmic beats and complicated footwork in this Dabus dance captivate the audience. The purpose of this study is to investigate the history of dabus dance in Kampung Tanjung Bidara, which is located in Batu Gajah, Perak. Additionally, this study examines this dabus dance technique. The study's main goal was to examine the history of the dabus dance's arrival in the state of Perak and how the community welcomed it. This is due to the fact that few people know the true story about the arrival of this dance in the area surrounding Batu Gajah. Furthermore, this investigation revealed what the local community thought of this dabus dance. This study also looks at the dabus dance technique. Ini bertujuan untuk mencari elemen tarian yang terdapat dalam tarian dabus. This study also finds the musical elements that accompany dabus dancing.*

*This study uses two methods which is quantitative dan qualitative. Qualitative approaches make it easier for researchers to find research data on social media and in print. Quantitative methods, such as questionnaires and interviews, are used to collect data. Dengan data yang diperoleh, penyelidik boleh menyelesaikan penyelidikan. Interviews and observations can provide useful insights about dabus dance as a cultural phenomenon by analyzing historical research. Understanding and appreciating the dabus dance improves the appreciation of this dance.*

## ISI KANDUNGAN

| <b>PERKARA</b>        | <b>MUKA SURAT</b> |
|-----------------------|-------------------|
| <b>PERAKUAN TESIS</b> |                   |
| <b>PENGHARGAAN</b>    | <b>i</b>          |
| <b>ABSTRAK</b>        | <b>ii</b>         |
| <b>ABSTRACT</b>       | <b>iii</b>        |
| <b>ISI KANDUNGAN</b>  |                   |

| <b>BAB 1: PENGENALAN</b> | <b>MUKA SURAT</b> |
|--------------------------|-------------------|
| 1.1 Latar Belakang       | 1-3               |
| 1.2 Permasalahan Kajian  | 4                 |
| 1.3 Persoalan Kajian     | 5                 |
| 1.4 Objektif Kajian      | 6                 |
| 1.5 Skop Kajian          | 7-8               |
| 1.6 Kepentingan Kajian   | 9                 |
| 1.7 Kesimpulan           | 10                |

| <b>BAB 2: SOROTAN KAJIAN</b> | <b>MUKA SURAT</b> |
|------------------------------|-------------------|
| 2.0 Pengenalan               | 11                |
| 2.1 Kajian Lepas             | 11-15             |
| 2.2 Kesimpulan               | 15                |

| <b>BAB 3: METODOLOGI KAJIAN</b>                                 | <b>MUKA SURAT</b> |
|---|-------------------|
| 3.0 Pengenalan  | 16                |
| 3.1 Kaedah Kualitatif   | 16                |
| 3.2 Pendekatan Kajian<br>Kaedah Temu Bual<br>Kaedah Pemerhatian | 17-18             |

|                   |    |
|-------------------|----|
| 3.3 Sumber Kajian | 19 |
| Data Sekunder     |    |
| Data Primer       |    |
| 3.4 Kesimpulan    | 20 |

| <b>BAB 4: DAPATAN KAJIAN</b>  | <b>MUKA SURAT</b> |
|---|-------------------|
| 4.0 Pengenalan  | 21-22             |
| 4.1 Sejarah Batu Gajah, Perak   | 22-24             |
| 4.2 Sejarah Tarian Dabus  | 24-26             |
| 4.3 Biodata Penggiat Seni Tarian Dabus  | 27-28             |
| 4.4 Sejarah Kedatangan Tarian Dabus di Kampung Tanjung Bidara,<br>Batu Gajah, Perak | 29-31             |
| 4.4.1 Teori Kedatangan Tarian Dabus   | 32                |
| 4.5 Tatacara Dalam Tarian Dabus   | 33                |
| 4.5.1 Pantang Larang Dalam Tarian Dabus   | 35-36             |
| 4.5.1.1 Tatacara Permulaan Tarian Dabus   | 37-39             |
| 4.5.2 Seni Pergerakan Tarian Dabus  | 40-42             |
| 4.5.3 Busana Yang Digunakan   | 43                |
| 4.6 Tatacara Muzik Dalam Tarian Dabus   | 44                |
| 4.6.1 Elemen Yang Mempengaruhi Muzik Dan Lirik                                      | 45                |
| 4.6.2 Tatacara Persembahan Muzik Dalam Tarian Dabus                                 | 46-47             |
| 4.6.3 Lirik Lagu Dalam Tarian Dabus   | 47                |
| 4.6.4 Alat Muzik Dalam Tarian Dabus   | 47                |
| 4.6.4.1 Contoh Alat Muzik   | 47-48             |
| 4.7 Kesimpulan  | 49                |

| BAB 5: CADANGAN DAN KESIMPULAN | MUKA SURAT |
|--------------------------------|------------|
| 5.0 Pengenalan                 | 50         |
| 5.1 Rumusan Analisis Kajian    | 50         |
| 5.2 Cadangan                   | 51-53      |
| 5.3 Kesimpulan                 | 54         |

|          |       |
|----------|-------|
| RUJUKAN  | 55-56 |
| LAMPIRAN | 57-60 |

UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN

SEJARAH KEDATANGAN TARIAN DABUS DI KAMPUNG TANJUNG BIDARA,  
BATU GAJAH, PERAK DAN TATACARA TARIAN DABUS

## BAB 1

### PENGENALAN

#### **1.1 LATAR BELAKANG**

Sejarah dari segi pengertian amatlah kompleks untuk diperbincangkan. Sejarawan mendefinisikan sejarah mengikut idea masing-masing yang dipengaruhi zaman, budaya dan tempat masing-masing. Dalam bahasa Melayu, perkataan sejarah itu sendiri mempunyai banyak makna tetapi maksudnya sama. Menurut Kamus Dewan, sejarah bermaksud asal-usul (keturunan), salasilah, peristiwa yang benar-benar berlaku pada waktu yang lampau, dan kisah.

Menurut R.O Winstedt, perkataan sejarah itu sendiri berasal dari perkataan bahasa Arab yang embawa makna salasilah,tawarikh, dan babad. Melalui kenyataan Winstedt, sejarawan Melayu seperti Ibrahim Alfian dan Mahayudin Yahaya berpendapat, perkataan sejarah dari perkataan Arab diambil dari perkataan ‘syajarat’ yang bererti pohon.

Manakala dari perkataan bahasa inggeris iaitu ‘history’ merupakan perkataan yang berasal dari perkataan Yunani iaitu ‘historia’ adalah membawa maksud penyelidikan. Namun ada beberapa perbezaan dari perkataan ‘historia’ bahasa Yunani dan perkataan history dalam bahasa moden. Historia merupakan karya-karya sejarah yang berunsurkan mitos dan lagenda. Manakala perkataan history dalam bahasa moden membawa maksud karya sejarah yang berdasarkan kajian dan penyelidikan.

Setiap perlakuan mempunyai atur cara yang tersendiri. Sama seperti tarian dabus, tarian ini mempunyai tatacara yang tersendiri. Ini amatlah sinonim dengan masyarakat Melayu yang mempunyai atur cara dalam kehidupan seharian. Tatacara ini amat membantu bagi semua orang untuk mengikut alur yang telah disediakan. Ia juga amat memudahkan masyarakat untuk mengikut alur yang disediakan. Menurut Kamus Dewan Dan Pustaka Edisi Keempat, tatacara definisikan cara dan peraturan hidup yang disediakan. Masyarakat Melayu amat terkenal dengan adat dan tatacara. Setiap tatacara yang ada membawa maksud kiasan yang tersendiri. Tatacara yang diimplikasikan dalam semua perkara termasuklah dalam kebudayaan.

Negara Malaysia merupakan negara yang bertuah kerana mempunyai pelbagai etnik masyarakat yang menghuni di negara ini. Kepelbagaian etnik menjadikan banyak nilai-nilai tradisional yang boleh dilihat. Dengan adanya pelbagai etnik di negara ini, banyak nilai tradisional yang boleh dilihat seperti adat resam, kebudayaan, kepercayaan, perayaan, dan lain-lain.

Perkara ini menjadikan negara Malaysia mempunyai kepelbagaian tradisional yang menarik. Di setiap negeri juga ada nilai tradisi yang menarik. Hal ini kerana setiap negeri di Malaysia mempunyai nilai yang tersendiri untuk membezakan setiap penduduk dari negeri lain. Dengan adanya kepelbagaian ini menunjukkan masyarakat yang dalam negeri mempunyai keistimewaan yang tersendiri untuk ditunjukkan kepada umum. Ini menjadikan negara Malaysia merupakan negara yang unik kerana setiap pelosok negeri di dalamnya mempunyai nilai kebudayaan yang tersendiri yang boleh ditunjukkan kepada umum.

Di negeri Perak mempunyai banyak kebudayaan dan tradisi yang menarik. Salah satu tradisi yang ada di negeri Perak adalah tarian dabus. Tarian tradisi Melayu negeri Perak ini sudah lama diwarisi dari zaman ke zaman. Tarian dabus ini pada suatu masa dahulu amat popular pada ketika itu dalam kalangan masyarakat setempat. Gerak tari yang ada pada tarian dabus ini mempunyai nilai peraturan dan amalan tertentu. Kelainan yang ada pada tarian dabus menjadikan tarian tradisi ini begitu popular pada waktu itu.

Kajian ini dihasilkan untuk memfokuskan penilitian terhadap tarian dabus ini. Tarian dabus merupakan tarian tradisional yang menjadi identiti kepada masyarakat Melayu di negeri Perak. Simbol identiti masyarakat Melayu Perak perlu dijaga untuk mengekalkan nilai keistimewaan untuk terus kekal lama.



UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN

## 1.2 **PERMASALAHAN KAJIAN**

Terdapat banyak tarian tradisi yang ada di negara Malaysia. Setiap kaum dan etnik yang ada di dalam negara mempunyai tarian tradisi yang mempunyai nilai keistimewaan yang tersendiri. Setiap kaum akan mempunyai nilai yang seiring dengan adat resam dan kepercayaan sendiri. Ini menjadikan setiap tarian yang ada mempunyai nilai keistimewaan yang tersendiri. Tarian dabus juga mempunyai nilai dan kepercayaan yang tersendiri. Hal ini kerana tarian tradisi Melayu negeri Perak ini berasaskan kepahlawanan. Oleh itu tarian dabus ini mempunyai nilai istimewa yang tersendiri untuk ditunjukkan kepada orang ramai. Namun masa terus bergerak hingga menyebabkan zaman kian moden. Apabila zaman kian berkembang maju, tarian tradisi akan mengalami kesan perubahan. Ilmu tarian dabus juga akan mengalami masalah hilang kerana kekurangan untuk mempelajari ilmu tradisi ini.

Zaman kian berkembang maju ini banyak memberi kesan kepada tarian tradisi dabus ini. Hal ini boleh berlaku masyarakat pada masa kini ada segelintir tidak meminati untuk melihat tarian tradisi ini. Kurangnya minat segelintir masyarakat terhadap tarian tradisi ini kerana menganggap tarian ini tidak menarik dengan cita rasa masyarakat pada masa kini. Mereka lebih gemar akan tarian yang lebih moden untuk dicuba dan dilihat. Perkara ini pasti akan dihadapi oleh setiap tarian tradisi apabila memasuki fasa yang lebih moden.

Selain itu, kurangnya masyarakat dalam menuntut ilmu berkaitan tarian dabus ini juga merupakan salah satu masalah yang akan dihadapi. Masyarakat pada masa kini khususnya golongan muda kurang berminat dalam mendalami ilmu tarian dabus ini kerana ada diantara golongan muda ini kurang gemar akan memasuki dalam aktivit tarian tradisi ini. Perkara ini terjadi kerana mereka menganggap tarian tradisi ini bukan citarasa mereka untuk mencuba. Ini akan menjadi masalah kepada golongan tua dalam tarian dabus ini kerana mereka takut ilmu yang ada akan hilang begitu sahaja dan mungkin akan menyebabkan tarian dabus ini akan kian pupus mengikut peredaran masa.

### 1.3 **PERSOALAN KAJIAN**

Dalam kajian ini, beberapa persoalan kajian telah dinyatakan untuk mencapai objektif yang bertepatan dengan tajuk kajian ini. Beberapa persoalan kajian telah dikenal pasti iaitu :-

- i. Bagaimana kedatangan Tarian Dabus di Kampung Tanjung Bidara, Batu Gajah?
- ii. Bagaimana penerimaan masyarakat setempat dengan Tarian Dabus ini?
- iii. Apakah elemen-elemen yang ada pada tarian dabus ini?
- iv. Apakah elemen muzik yang digunakan dalam mengiringi persembahan tarian ini?

#### **1.4 OBJEKTIF KAJIAN**

Secara umumnya, penyelidikan ini bermatlamat untuk mengkaji tentang Tarian Dabus ini. Dari segi objektifnya, penyelidikan ini bertujuan untuk:

- i. Mengkaji sejarah kedatangan Tarian Dabus di Kampung Tanjung Bidara, Batu Gajah, Perak.
- ii. Mengenal pasti elemen-elemen yang ada Tarian Dabus di Kampung Tanjung Bidara, Batu Gajah, Perak.
- iii. Mengenal pasti elemen muzik yang digunakan dalam mengiringi persembahan Tarian Dabus di Kampung Tanjung Bidara Batu Gajah, Perak.

UNIVERSITI  
—  
MALAYSIA  
—  
KELANTAN

## 1.5 SKOP KAJIAN



**Gambar rajah 1: Peta Batu Gajah, Perak**

Sumber: Kajian Melalui Google Maps 2023

Skop kajian ini berkaitan dengan Tarian Dabus di Kampung Tanjung Bidara, Batu Gajah, Perak. Kampung Tanjung Bidara ini terletak di Batu Gajah, Perak. Kampung ini merupakan tempat yang dipilih oleh pengkaji untuk menyelidiki berkaitan tarian dabus. Kampung ini terletak di sepanjang Sungai Kinta, yang telah memainkan peranan penting dalam pembangunan dan sejarah rantau ini. Tanah subur di sekitar sungai telah menyokong aktiviti pertanian sejak turun-temurun, dengan penduduk terlibat dalam pelbagai amalan pertanian seperti penanaman padi, kebun buah-buahan dan kebun sayur. Masyarakat Kampung Tanjung Bidara mempunyai tradisi dan adat yang berakar umbi, diwarisi turun-temurun. Penduduk kampung berbangga dalam mengekalkan warisan budaya mereka, dan anda boleh menyaksikan pelbagai perayaan dan ritual tradisional yang dilakukan sepanjang tahun. Perayaan ini selalunya termasuk perarakan berwarna-warni, tarian tradisional, dan persesembahan muzik yang mencerminkan adat dan kepercayaan tempatan. Salah satu keistimewaan kampung ini ialah masyarakatnya yang mesra dan mesra. Penduduk kampung terkenal dengan layanan mesra dan sifat mesra mereka terhadap pengunjung. Pengembara boleh mengalami cara hidup Malaysia yang tulen dengan melibatkan diri dengan penduduk tempatan, mencuba masakan tradisional dan mengambil bahagian dalam aktiviti kebudayaan. Selain kepentingan budayanya, Kampung Tanjung Bidara juga merupakan tempat keindahan alam semula jadi. Persekutaran yang tenang dengan kehijauan yang subur, Sungai Kinta yang berliku-liku dan bukit-bukit berdekatan menjadikannya destinasi yang sangat baik untuk peminat alam semula jadi dan mereka yang

mencari ketenangan jauh dari kehidupan bandar yang sibuk. Bagi pelancong dan penggemar sejarah, Batu Gajah sendiri mempunyai beberapa tarikan untuk diterokai. Pekan ini terkenal dengan mercu tanda bersejarahnya, termasuk Istana Kellie, sebuah rumah agam yang tersergam indah dengan seni bina Scotland yang dibina semasa zaman penjajahan British. Pengunjung juga boleh melawat Muzium Getah Kinta Kelas, yang memberikan pandangan tentang industri getah di rantau ini, yang pernah menjadi aktiviti ekonomi penting di kawasan itu.



UNIVERSITI  
—  
MALAYSIA  
—  
KELANTAN

## 1.6 **KEPENTINGAN KAJIAN**

Kajian berkaitan tarian dabus ini amatlah penting kerana dapat membantu pengkaji dalam mengenal pasti masalah yang ada pada tajuk kajian ini. Pengkaji akan dapat mengenali tarian dabus ini dengan lebih mendalam kerana dapat mengetahui selok belok berkaitan tarian tradisi ini.

Selain itu, pengkaji juga dapat mengetahui apa elemen-elemen penting yang ada pada tarian dabus ini. Kajian berkaitan elemen yang ada dapat membantu menambah ilmu pengetahuan tentang asal-usul, nilai tersendiri yang ada pada tarian dabus dan sebagainya. Mengenal pasti elemen ini juga penting kerana dapat membezakan tarian dabus ini dengan tarian yang ada di sekitar.

Selanjutnya, kajian ini juga amat penting untuk mengenal pasti persepsi masyarakat terhadap tarian dabus ini. Kita sedia maklum bahawa tarian tradisi ini bukan semua akan meminati untuk ditonton kerana mengikut peredaran masa. Dengan adanya kajian ini dapat dilihat berapa ramai yang bersetuju akan relevannya tarian dabus ini pada masa kini. Tarian dabus ini perlu dikekalkan kerana tarian tradisi ini menjadi salah satu identiti masyarakat Melayu.

Akhir sekali, kajian ini juga mengfokuskan elemen muzik. Elemen muzik tarian dabus ini dipercayai mempunyai elemen luar iaitu elemen arab. Kajian ini untuk mengenal pasti sejarah datangnya elemen arab ini memasuki dalam elemen muzik tarian dabus ini. Kajian ini juga mengenal pasti adakah elemen luar dalam muzik tarian dabus dikaitkan dengan dalam penulisan lirik lagu atau alatan muzik.

## 1.7 **KESIMPULAN**

Dalam kesimpulan, kajian tentang sejarah dan tarian Dabus di Kampung Tanjung Bidara, Batu Gajah, Perak, mencerminkan kompleksitas dan keunikan budaya Melayu. Definisi sejarah yang bervariasi, dipengaruhi oleh bahasa, zaman, dan budaya, menunjukkan kepelbagaiannya pandangan dan interpretasi terhadap warisan masa lampau. Perbandingan dengan bahasa Inggris menyoroti evolusi makna "history" dari kisah berunsur mitos menjadi kajian berbasis penyelidikan. Analogi antara tarian Dabus dengan tatacara hidup masyarakat Melayu menegaskan kepentingan tatacara dalam menjaga keharmonisan kehidupan sehari-hari. Kepelbagaiannya budaya di Malaysia menjadi sumber nilai tradisional yang kaya, menunjukkan keistimewaan setiap etnik dan daerah. Kajian ini memberikan penekanan pada Tarian Dabus sebagai perwujudan identitas budaya yang perlu dijaga dan dilestarikan. Masalah dan objektif kajian memperincikan objektif kajian, termasuk aspek sejarah, persepsi masyarakat, unsur tarian, dan unsur muzik. Skop kajian yang terhad kepada Kampung Tanjung Bidara menghasilkan gambaran yang lebih mendalam tentang kelestarian tarian Dabus dalam konteks masyarakat Melayu di Malaysia.

Kesimpulan juga menyoroti isu-isu dan cabaran dalam menjaga kelestarian tarian Dabus. Tantangan dari perkembangan zaman, kurangnya minat, dan kekhawatiran akan hilangnya ilmu tradisional menjadi fokus dalam menjaga kelangsungan warisan budaya ini. Dengan demikian, kajian ini tidak hanya membuka wawasan tentang sejarah dan nilai budaya, tetapi juga memberikan pemahaman tentang perjuangan menjaga kelestarian warisan tradisional di era modern.

## BAB 2

### **SOROTAN KAJIAN**

#### **2.0 PENGENALAN**

Sorotan kajian lepas ialah satu set penyelidikan yang telah diterbitkan atas topik yang tertentu. Tinjauan literatur ini merupakan ulasan maklumat yang diperolehi daripada jurnal, buku, dokumen, dan penyelidikan-penyalidikan lepas (tesis) untuk sesuatu penyelidikan yang baru. Proses tinjauan ini adalah untuk mengenal pasti sama ada sesuatu penyelidikan yang dirancang oleh penyelidik yang lain. Tambahan pula, tinjauan literatur ini bertujuan untuk membezakan apa yang telah dikaji serta mencari pemboleh ubah yang relevan dengan tajuk penyelidikan yang baru.

#### **2.1 KAJIAN LEPAS**

Sebelum menjalankan kajian, penyelidik telah mengkaji dan meneliti bahan-bahan ilmiah yang berkaitan dengan tajuk sejarah tarian dabus dan tatacara yang ada dalam tarian ini. Menurut Mohd Kipli Abd Rahman (2020) dalam tajuk penyelidikannya “*DIMENSI RUANG KOSMOS TARIAN DABUS: AMALAN PENYUCIAN DAN PENYEMBUHAN*”, beliau menulis tarian dabus dilihat mempunyai suatu kosmos kewujudan terbentuk daripada tindakan pemain dan segala unsur teater yang membentuk persembahan. Dimensi ruang kosmos persembahan ditafsir secara fizikal dan metafizik melalui perlakuan dan kepercayaan pemain tarian dabus terhadap kepercayaan yang ada dalam tarian ini seperti amalan penyucian dan penyembuhan. Menurut penulis, pemain mempunyai kepercayaan seperti sajian perlu disediakan dan ritual perlu dilakukan sebagai tanda hormat dan meminta izin kepada makhluk spiritual bagi memudahkan dan membantu dalam proses penyembuhan. Dalam jurnal ini, Mohd Kipli menulis tarian dabus ini mempunyai ritual yang berunsur spiritual. Unsur spiritual mengamalkan prinsip minda melebihi benda atau material (mind over matter) yang dapat disaksikan dalam ritual tarian dabus di negeri Perak. Ritual tarian dabus ini dinyatakan sejenis permainan yang menggabungkan beberapa aspek bunyian seperti gendang, dabus, gong, puisi (zikir), serta goyangan anak dabus yang gemersik. Puisi yang disampaikan mempunyai bentuk

irama zikir. Irama zikir ini merupakan campuran zikir puisi melayu dan arab. Kemuncak tarian dabus ini mempunyai elemen dimana ada adegan mencucuk benda tajam pada salah satu anggota bagi menunjukkan kekebalan penari.

Selain itu, ungkapan lagu juga merupakan salah satu elemen yang dikaji. Setiap lagu yang dipilih mempunyai elemen yang berbeza. Menurut Rozimah Bidin (2012), alam dan segalanya isi flora dan fauna, gunung-ganang, laut dan sungai serta udara dan atmosfera mempunyai hubungan yang paling akrab dengan manusia dan kehidupan manusia. Hubungan manusia amat unik. Hubungan manusia dari sehari ke sehari berkembang menjadi beribu peristiwa, percaturan dan fenomena yang sukar diungkapkan oleh kata-kata. Alam menjadi sumber inspirasi untuk menghasilkan karya seni dan kesusasteraan. Kesusasteraan Melayu juga dihayati dalam menyempurnakan gerak lengkok tarian tradisi seperti tarian dabus. Dalam tarian dabus, penghayatan alam boleh dilihat terutama alam sekeliling dapat disaksikan dalam beberapa tindakan pengkarya bukan hanya setelah persembahan tetapi daripada awal persediaan melakukan persembahan. Lagu dabus merupakan lagu yang didedangkan mengiringi persembahan tarian dabus secara asli atau kreatif. Irama lagu yang digunakan ialah melalui campuran irama nasyi, pantun, zikir yang diambil dari kitab berzanji yang dinyanyikan oleh penyanyi dan pemuzik tarian dabus. Kitab berzanji merupakan kitab yang digunakan untuk nyanyian nasyid memuji kebesaran Allah S.W.T. dan Rasul-Nya. Ia ditulis dan dinyanyikan dalam bahasa arab. Pada peringkat awal tarian dabus, muzik yang digunakan menggunakan bahasa arab yang diambil dari kitab berzanji. Lagu dabus dimulakan dengan nyanyian solo tanpa irangan muzik oleh seorang ahli yang akan memukul gendang. Nyanyian solo ini merupakan pembukaan atau mukkadimah yang dilakukan syair yang panjang. Setelah selesai satu lirik lagu akan disambut dengan nyanyian irangan ramai. Ungkapan dalam lagu diungkapkan seperti percakapan. Ungkapan lagu juga mempunyai nilai estetika yang tersendiri dimana setiap rangkap yang diungkapkan mempunyai maksud yang tersirat. Nilai metafora dalam lirik lagu juga amat tinggi. Setiap ungkapan juga membawa maksud yang tersendiri yang boleh difahami oleh pengkarya dan penonton. Lirik yang disampaikan oleh penyanyi juga membawa maksud seperti membawa kebaikan, nilai dakwah, kasih sayang dan hiburan. Terdapat ungkapan memuji Maha Esa dan Rasul dalam persembahan ini. Kesimpulan dari sini boleh dilihat penulisan bait-bait lagu mengandungi elemen menarik seperti pantun, gabungan lagu-lagu dalam kitab berzanji dan unsur-unsur alam yang telah menjadi inspirasi sehingga

sesuai menjadi santapan umum. Bait-bait pantun juga diselaraskan dengan gerak tari tarian dabus sehingga mengasyikkan penonton.

Tambahan pula, penceritaan tentang asal-usul tarian dabus ini juga berbeza. Menurut Siti Hajar Bas'irin (2022) melalui kajian yang dilakukan, beliau menulis sejarah tarian dabus ini bermula pada zaman Khalifah Zainal Abidin yang merupakan cucu Saidina Ali dan anak kepada Saidina Hassan. Pada zaman itu, berlaku perselisihan faham sehingga menyebabkan berlakunya perperangan. Pihak yang menyokong Khalifah Zainal Abidin telah menciptakan tarian dabus ini. Tarian ini pada mulanya merupakan seni mempertahankan diri kerana penari boleh berjalan di atas pedang, dihimpit batu, bermain api dan sebagainya. Penari ini tidak merasa sakit kerana telah dijampi oleh ketua persembahan tarian ini. Tarian ini hanya bertujuan untuk menakutkan pihak musuh supaya pihak lawan menganggap mereka ini kebal akan senjata. Kemasukan tarian dabus ini di kawasan sekitar asia tenggara bermula apabila kebanyakkan masyarakat pada waktu itu amat patuh akan arahan Raja. mereka akan mengalu-alukan kedatangan tarian atau budaya baru dikawasan mereka. Sebagai contoh boleh dilihat pada pemerintahan Kerajaan Acheh di Nusantara sekitar abad ke-15. Kerajaan Acheh pada waktu itu merupakan kerajaan yang patuh akan agama. Hubungan diplomatik dengan kerajaan arab menyebabkan tarian dabus ini boleh memasuki di kawasan sekitar. Selain itu, pergerakan tarian dabus ini mempunyai persamaan dengan pencak silat. Pencak silat merupakan seni bela diri yang begitu popular di kawasan asia tenggara. Perkara ini menyebabkan tarian dabus boleh diterima oleh masyarakat setempat.

Selain itu, kajian lepas mengenai tarian dabus yang bertajuk “*ANALISIS INTREPRASI LIRIK DABUS YANG DIAMALKAN OLEH MASYARAKAT DI BAGAN SERAI, PERAK*” yang ditulis oleh NurFarhana Shahirah Rosly dan Mohd Sharifudin Yusop, mereka menulis kajian ini mengeksplorasi aspek mesej dan amanat dalam lirik lagu persembahan Dabus di masyarakat Bagan Serai, Perak. Dabus, sebagai permainan kekebalan yang melibatkan mencuba untuk melukai diri sendiri, menjadi konteks unik bagi kajian ini. Objektif kajian adalah untuk menganalisis mesej dan amanat yang terkandung dalam lagu-lagu yang dipersembahkan selama perjalanan Tarian Dabus. Kajian ini melibatkan penggiat Dabus muda dan penari remaja Dabus di Bagan Serai sebagai informan utama. Pemilihan informan didasarkan pada keterlibatan mereka dalam memperkaya budaya Dabus dan penghayatan mereka terhadap

mesej dan amanat dalam lagu-lagu tersebut. Metodologi kajian ini mencakup beberapa pendekatan, termasuk kaedah temu bual, rakaman, pemerhatian, dan analisis manuskrip bertulis. Informan diajukan soalan terbuka mengenai makna lirik lagu dan mesej tersirat di dalamnya. Data yang diperoleh kemudian dianalisis dengan merujuk kepada Teori Sosial Sastera, yang menekankan orientasi pengarang dalam konteks sosiologi sastera. Hasil kajian menunjukkan keberadaan mesej dan amanat dalam lirik lagu Tarian Dabus. Temuan tersebut menggambarkan hubungan manusia dengan Tuhan, sosiobudaya, keindahan alam, kepahlawanan, pendidikan, dan akulturasi kebudayaan. Kajian ini berharap dapat memupuk semangat cinta terhadap seni Melayu dan mendorong upaya untuk mengangkat kembali kegemilangan seni dan budaya Melayu yang mungkin terancam oleh perubahan zaman. Dengan menguatkan pemahaman terhadap mesej dan amanat dalam lagu-lagu Dabus, kajian ini memberikan kontribusi pada pemahaman lebih mendalam tentang kekayaan budaya Melayu. Selain itu, diharapkan kajian ini dapat menjadi dorongan untuk meningkatkan kesadaran dan apresiasi terhadap seni tradisional, sehingga kegemilangan seni Melayu dapat terus dihargai dan diteruskan kepada generasi mendatang.

Akhir sekali, sorotan kajian yang dilihat oleh pengkaji untuk membantu dalam menulis penyelidikan ialah penyelidikan yang ditulis oleh Nia Umdah, merupakan pelajar dari UNIVERSITAS ISLAM NEGERI AR-RANIRY DARUSSALAM-BANDA ACHEH pada tahun 2021, tajuk penulisan iaitu “*PERTUNJUKAN TARI DABUS GRUP SENA REBUNG KETULINTANG DI KECAMATAN BLANGKEJEREN GAYO LUES*” , beliau menulis keberadaan Dabus sebagai seni tradisional yang melibatkan tiga aksi utama, yakni selawat, tarian, dan aksi melukai tubuh dengan benda tajam, menjadi fokus utama dalam skripsi ini. Kaedah penyelidikan kualitatif digunakan untuk meneroka maklumat berkaitan amalan Dabus, pandangan masyarakat, dan usaha pemuliharaan di Daerah Blangkejeren. Data dikumpul melalui pemerhatian, temu bual dan dokumentasi. Informan dipilih secara purposive antaranya khalifah, ahli kumpulan Dabus, MPU, MAA, dan masyarakat. Hasil penelitian menunjukkan praktik Dabus melibatkan prosesi persucian anggota tubuh dan ritual keagamaan sebelum pertunjukan dimulai. Selawat menjadi bagian integral dari pertunjukan, yang dipandang sebagai bentuk penghormatan kepada tokoh-tokoh agama. Pandangan masyarakat terhadap Dabus cenderung positif, menganggapnya sebagai seni yang sesuai untuk mereka yang telah memahami agama. Pemeliharaan dabus juga melibatkan usaha kerajaan yang menyokongnya dengan menjemput kumpulan Dabus ke pelbagai acara sama ada rasmi maupun tidak rasmi.

Ini boleh dianggap sebagai langkah positif dalam melestarikan seni tradisional yang mempunyai nilai budaya dan keagamaan. Justeru, tesis ini memberikan gambaran holistik tentang amalan Dabus, pandangan masyarakat, dan usaha pemuliharaan di Daerah Blangkejeren.

## **2.2 KESIMPULAN**

Dalam kajian terdahulu, Dabus diidentifikasi sebagai seni tradisional yang melibatkan tiga aksi utama: selawat, tarian, dan aksi melukai tubuh dengan benda tajam. Prosedur sebelum pertunjukan mencakup tahapan persucian anggota tubuh dan serangkaian ritual keagamaan yang melibatkan membakar kemenyan, membaca syahadat, al-fatihah, zikir, dan selawat. Selanjutnya, pertunjukan Dabus dimulai dengan pemencak naik ke atas panggung dan khalifah melantunkan selawat dari awal hingga akhir pertunjukan. Dari perspektif umum, Dabus dianggap sebagai seni yang sesuai untuk mereka yang memahami agama. Penilaian positif ini menunjukkan Dabus dianggap sebagai bentuk seni keagamaan dan sesuai untuk individu yang mempunyai kefahaman agama yang mencukupi. Pemeliharaan Dabus melibatkan usaha kerajaan yang dimanifestasikan dalam jemputan kumpulan Dabus untuk hadir di pelbagai majlis sama ada rasmi maupun tidak rasmi. Ini menggambarkan peranan kerajaan dalam menyokong pemuliharaan seni tradisi ini dengan menyediakan platform untuk pelukis Dabus memperkenalkan karya mereka.

Justeru, rumusan daripada sorotan kajian bebas menunjukkan Dabus bukan sahaja seni tradisional yang penuh dengan nilai keagamaan, malah mendapat sokongan positif daripada masyarakat dan kerajaan dalam usaha melestarikannya. Seiring dengan ini, adalah penting untuk terus memahami, menghayati dan menyokong usaha melestarikan seni tradisional seperti Dabus agar kekayaan budaya dan nilai murni yang terkandung dalam seni ini dapat diwariskan kepada generasi akan datang.

## BAB 3

### **METODOLOGI KAJIAN**

#### **3.0 PENGENALAN**

Dalam sesebuah kajian atau penyelidikan, metod atau kaedah amat diperlukan bagi mendapatkan data atau dapatan kajian. Dengan data yang mencukupi, sesebuah kajian dapat dijalankan dengan baik. Bab ini akan menunjukkan kaedah atau metod yang digunakan oleh pengkaji dalam menganalisis dan mengumpul data untuk memudahkan dalam menghasilkan kajian yang dilakukan.

Dalam bab ini akan menerangkan mengenai pendekatan yang dilakukan. Pendekatan yang pertama ialah kaedah kualitatif. Kaedah kualitatif ini digunakan oleh pengkaji untuk membuat pemerhatian dan temubual.

Pendekatan yang kedua ialah menggunakan sumber primer dan sekunder. Penggunaan sumber ini digunakan untuk mencari maklumat melalui buku fizikal atau secara atas talian dan mencari maklumat di dalam pelbagai artikel dan jurnal.

#### **3.1 KAEADAH KUALITATIF**

Kaedah analisis kualitatif bermaksud pentafsiran terhadap data-data dan maklumat yang diperoleh melalui kaedah temubual dan pemerhatian. Maklumat yang diperolehi bukan melalui angka dan berbentuk angka. Pendekatan ini menggunakan bentuk dari pemahaman dan tafsiran dari manusia, mendengar pengalaman mereka yang diambil dari temubual, pemerhatian dan soal selidik. Melalui kaedah ini, pengkaji akan mendapat maklumat atau data secara langsung daripada responden yang dipilih. Pengkaji juga akan turun ke kawasan yang dipilih untuk membuat pemerhatian berkaitan tarian dabus dan sejarah tarian dabus.

### **3.2 PENDEKATAN KAJIAN**

Kaedah kajian merupakan kaedah yang dipilih untuk mendapatkan maklumat untuk membuat penulisan. Kaedah yang dipilih untuk mendapatkan maklumat ialah temubual dan pemerhatian.

- **KAEDAH TEMUBUAL**

Kaedah temubual merupakan satu kaedah yang begitu penting dan mempunyai kesahan yang tinggi. Hal ini kerana penyelidik dapat mendapat informasi dan maklumat secara langsung dari responden. Kaedah ini amat bersesuaian kerana penyelidikan untuk melihat dan menilai perkara-perkara seperti aspek yang bersifat subjektif.

Individu yang akan ditembual oleh penyelidik ialah masyarakat yang ada sekitar Kampung Gajah, Perak. Penyelidik akan menembual responden untuk mengetahui persepsi mereka terhadap tarian ini. Penyelidik juga akan menemui bual pengkarya tarian dabus ini untuk mengetahui sejarah dan tatacara tarian dabus.

- **KAEDAH PEMERHATIAN**

Kaedah ini merupakan salah satu kaedah yang terbaik untuk dilakukan demi mendapatkan maklumat. Kaedah pemerhatian mampu memberi maklumat yang banyak dan boleh menambah kebolehpercayaan penyelidikan yang dijalankan.

Penyelidik akan membuat pemerhatian di kawasan persembahan tarian dabus untuk melihat tatacara dan elemen yang dalam persembahan tarian itu. Melalui pemerhatian ini, ia membantu penyelidik mendapatkan maklumat yang tidak diperolehi melalui temubual dan melalui data sekunder. Disebabkan ini, penyelidik memilih kaedah pemerhatian kerana penyelidik boleh melihat terus kumpulan tarian

dabus ini melakukan persembahan. Melalui kaedah ini juga, penyelidik boleh melihat kejayaan dan sejarah berkaitan pengkarya tarian dabus ini.



UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN

### 3.3 **SUMBER KAJIAN**

Penyelidik akan menggunakan kaedah pengumpulan data dan maklumat tambahan berkaitan kajian. Terdapat dua kaedah kajian yang dilakukan untuk mencari sumber maklumat. Antaranya ialah data sekunder dan data primer.

- **DATA SEKUNDER**

Data sekunder merupakan data maklumat yang diolah oleh penyelidik terlebih dahulu. Penyelidik akan menggunakan penyelidikan terdahulu untuk mencari maklumat berkaitan kajian. Penyelidik akan mengolah data yang diambil. Data maklumat ini boleh diambil dari jurnal, laporan, artikel, buku-buku dan laman sesawang kerajaan.

- **DATA PRIMER**

Data primer merupakan maklumat yang diperolehi daripada temubual responden. Data ini didapati secara terus kepada penyelidik untuk mengumpul data.

### 3.4 **KESIMPULAN**

Kesimpulan metodologi kajian merupakan peringkat penting dalam membuat kesimpulan kesahihan dan kerelevan sesuatu kajian. Pada asasnya, kesimpulan ini merangkumi beberapa aspek utama yang meringkaskan keseluruhan proses penyelidikan. Pertama, adalah perlu untuk menilai sejauh mana metodologi yang digunakan berjaya dalam mencapai objektif kajian. Penilaian ini melibatkan penilaian keberkesanan instrumen kajian, ketepatan data yang dikumpul, dan sejauh mana keputusan menjawab soalan kajian yang ditanya.

Seterusnya, perkaitan metodologi perlu dinilai untuk memastikan pendekatan yang digunakan bersesuaian dengan konteks dan ciri-ciri subjek atau objek kajian. Pemilihan sampel, kaedah pengumpulan data, dan analisis statistik perlu diperiksa dengan teliti untuk memastikan ia memberi sumbangan yang signifikan kepada pemahaman persoalan kajian. Batasan metodologi juga mesti diakui dan dibincangkan secara terbuka. Ini termasuk had sampel, kelemahan instrumen ataukekangan logistik yang mungkin telah mempengaruhi hasil kajian. Tambahan pula, cadangan perlu dibuat untuk mengatasi batasan ini pada masa hadapan. Aspek etika penyelidikan juga perlu diambil kira dalam kesimpulan metodologi. Kajian semula pematuhan prinsip etika penyelidikan, perlindungan privasi peserta, dan langkah yang diambil untuk memastikan keselamatan subjek kajian adalah penting.

Akhir sekali, kesimpulan metodologi harus mengandungi cadangan untuk penyelidikan masa depan. Ini mungkin termasuk cadangan untuk menambah baik atau mengembangkan metodologi, mengenal pasti jurang pengetahuan yang tinggal, dan mengesyorkan arah penyelidikan yang boleh diterokai dengan lebih lanjut. Kesimpulan ini merupakan gambaran menyeluruh tentang sumbangan dan nilai metodologi kajian dalam memperkayakan kefahaman dalam sesuatu bidang penyelidikan.

## BAB 4

### **DAPATAN KAJIAN**

#### **4.0 PENGENALAN**

Untuk mendapatkan pemahaman yang lebih baik tentang warisan budaya dan identiti sesebuah tempat, adalah penting untuk mengkaji sejarahnya. Batu Gajah, yang mempunyai banyak sejarah dan warisan, menawarkan perjalanan menarik ke zaman lalu yang melibatkan perkembangan penting seperti perlombongan bijih timah dan perkembangan pemerintahan di Jajahan Kinta, Perak.

Tarian Dabus, tarian tradisional Melayu yang berterusan dari zaman ke zaman, juga termasuk dalam kajian ini. Tarian ini merupakan sebahagian daripada budaya masyarakat Melayu di Kampung Tanjung Bidara, Batu Gajah, Perak, dan ia mewakili identiti yang penuh dengan nilai dan tradisi. Untuk menghargai makna dan keunikannya, adalah penting untuk memahami asal-usul dan sejarah Tarian Dabus di kawasan ini. Penggiat seni tarian Dabus juga memainkan peranan besar dalam mempromosikan warisan budaya ini. Latar belakang Encik Mat Rosnan terlibat dalam mempertahankan dan menyediakan seni tarian Dabus boleh didapati melalui biodata penggiat seni ini. Ketahui tentang mereka, latar belakang mereka, dan cinta mereka terhadap seni Dabus boleh membantu kita memahami pengorbanan dan usaha yang dilakukan untuk memastikan seni ini kekal hidup.

Selain itu, kajian ini menumpukan pada komponen yang membentuk Tari Dabus. Anda boleh mendapatkan pemahaman yang lebih mendalam tentang makna yang terkandung di sebalik setiap persembahan tarian dengan mencari elemen tarian seperti gerakan, pakaian dan idea lain. Selain itu, ini membolehkan penghayatan dan penghargaan yang lebih besar terhadap kekayaan seni dan kebudayaan yang disampaikan melalui Tarian Dabus. Elemen muzik yang mengiringi persembahan Tarian Dabus juga sangat penting. Kita boleh mengetahui asal-usul tradisi muzik yang terdapat dalam seni tarian ini dengan menganalisis elemen muzik. Kita boleh memperoleh pemahaman yang lebih mendalam tentang keseluruhan pengalaman seni

tarian Dabus apabila kita mempelajari instrumen-instrumen yang digunakan dan bagaimana elemen musik ini diintegrasikan dalam pertunjukan.

Kajian ini bertujuan untuk memberikan gambaran yang menyeluruh tentang kekayaan budaya yang terdapat di Kampung Tanjung Bidara, Batu Gajah, Perak, sambil mengekalkan dan memahami nilai tradisional yang terkandung dalam Tarian Dabus. Ia juga merangkum sejarah Batu Gajah, biografi penggiat seni, elemen tarian dan elemen muzik.

#### **4.1 SEJARAH BATU GAJAH, PERAK**

Perkampungan Melayu telah menapak lama di negeri Perak. Perkara ini boleh dilihat di kawasan persekitaran Batu Gajah ditemui tapak-tapak perkampungan masyarakat Melayu yang telah wujud pada abad ke-19 lagi. Pada ketika itu masyarakat Melayu giat melakukan aktiviti perlombongan bijih timah. Terdapat juga masyarakat lain yang tinggal di kawasan Batu Gajah seperti masyarakat cina. Masyarakat cina menjadi pekerja di kawasan perlombongan bijih timah yang dimiliki oleh orang Melayu. Aktiviti perlombongan bijih timah menjadi sebab utama kemasukan masyarakat cina ke Tanah Melayu. Faktor kemasukan ini disebabkan masyarakat cina dibawa masuk oleh pihak British yang pada ketika itu merupakan penguasa di Tanah Melayu. Selain itu, kawasan Batu Gajah mempunyai aktiviti perladangan getah. Adanya aktiviti perladangan getah ini, masyarakat India menapak di kawasan Batu Gajah. Perkembangan Batu Gajah ini boleh dilihat sama dengan perkembangan sejarah Malaysia kerana kemasukan masyarakat luar ke dalam kawasan itu. Perkembangan itu dilihat Batu Gajah sebagai '*Malaysia in Maniature*'. Sejak 1880-an, Batu Gajah merupakan kawasan atau tempat pertemuan pembesar-pembesar Tanah Melayu pada masa itu. Di pada masa itu, Batu Gajah merupakan tempat perlumbaan kuda. Ada satu kelab menjadi tempat pertemuan, tempat beriadah, bagi pegawai kerajaan dan pembesar-pembesar di setiap negeri. Dari kenyataan ini, Batu Gajah sudah dikenali dari tahun 1880-an lagi. Mengikut bukti yang ada, Batu Gajah sudah wujud di sekitar 1870-an lagi. Menurut J.W.W. Birch yang merupakan Resident Britis yang pertama di Perak, beliau pernah melawat Batu Gajah pada 30 April 1875. Beliau menyebut Batu Gajah sebuah kampung yang besar terletak di tepi Sungai Kinta dan terdapat sebuah relau yang besar untuk melebur bijih timah.

Kegiatan perlombongan bijih timah yang mulai berkembang pada masa itu di Jajahan Kinta mempunyai kaitan rapat dengan perkembangan awal Batu Gajah dan asal usul namanya. Ada beberapa teori tentang asal usul nama Batu Gajah. Ramai pedagang dari Sumatera datang melalui Sungai Kinta untuk berdagang bijih timah di Batu Gajah, menurut versi pertama. Oleh kerana tempat itu belum mempunyai nama, penduduknya, yang majoritinya beragama Buddha dan menyembah berhala, mengukir dua batu besar di tebing Sungai Kinta yang menyerupai dua ekor gajah. Sebagaimana dinyatakan dalam versi kedua, para pelombong bijih timah menemukan batu yang sebesar kepala gajah dan keras seperti kepala gajah. Mereka kemudiannya memanggil batu itu "Batu Besar" atau "Batu Gajah." Versi yang lebih boleh dipercayai mengatakan bahawa nama Batu Gajah berasal dari sebuah perkampungan Mandailing yang masih wujud di Medan, Indonesia. Perlu diingat bahawa orang Melayu telah lama mengetahui gajah. Sehingga awal tahun 1910-an, haiwan darat terbesar ini digunakan secara meluas untuk pengangkutan darat di negara-negara Melayu. Semasa Perarakan Diraja Perak, pasukan gajah yang membawa rengga biasanya diiringi oleh juak-juak yang berpakaian indah dan membawa payung dan alat kebesaran Diraja. Di Daerah Kinta, gajah juga digunakan untuk pembalakan, perlombongan dan mengangkut hasil. Oleh itu, kisah ini menunjukkan bagaimana nama dan simbolisme gajah menjadi penting dalam sejarah, budaya, dan aktiviti ekonomi di Batu Gajah.

Salah satu mukim di Jajahan Kinta ialah Mukim Sungai Terap, di mana Batu Gajah terletak. Pada mulanya, Mukim Sungai Terap ditadbir oleh Dato' Amar Diraja, salah seorang daripada Orang Besar Enam Belas, yang ditadbir oleh Datuk Panglima Kinta. Walau bagaimanapun, tindakan British di Perak menghapuskan kuasa pemberi Melayu untuk mengutip cukai dan menguruskan wilayah mereka sendiri. Ketika Batu Gajah ditukar menjadi Pusat Pentadbiran British di Jajahan Kinta pada tahun 1892, tanggungjawab Dato' Amar DiRaja sebagai pentadbir semakin berkurangan. Pada masa itu, Tuan Pegawai Daerah atau D.O. (Pegawai Daerah), yang mempunyai pengalaman yang mencukupi kerana kekayaan hasil bumi Batu Gajah, adalah ketua pentadbiran Jajahan Kinta. Resident British di negeri-negeri Melayu lain biasanya dilantik sebagai Pegawai Daerah Kinta. Antara tahun 1890-an dan 1900-an, Batu Gajah berkembang dengan sangat pantas. Pada tahun 1892, British menuahkan Pejabat Tanah dan Galian, Mahkamah Majestret, dan Pejabat Daerah.

Untuk melengkapkan fasiliti administratif, balai polis, penjara (1902) dan hospital dibina. Kekayaan hasil bumi Batu Gajah menarik perhatian Sir John Brooke Scrivenor tiba di Malaya pada 17 September 1903, menjadi ahli kaji bumi pertama dari Negeri-Negeri Melayu Bersekutu. Mr Pada tahun 1908, pusat kaji bumi dipindahkan ke Batu Gajah daripada Kuala Lumpur, walaupun John Brooke Scrivenor melihat banyak kemungkinan di sana. Pada masa ini, beberapa jabatan telah ditubuhkan, termasuk Jabatan Kerja Raya, Jabatan Ukur, Jabatan Hilitan (PERHILITAN) dan Jabatan Hutan. Selain itu, rumah-rumah banglo disediakan untuk kediaman Pegawai British.

British membangunkan jalan raya dan landasan kereta api apabila kerajaan dan industri perlombongan bijih timah di Batu Gajah berkembang. Pada tahun 1893, dua laluan kereta api dibina: satu dari Ipoh ke Batu Gajah dan satu lagi dari Tapah Road ke Teluk Intan. Pada tahun 1894, landasan kereta api menghubungkan Kota Bahru, Perak, dengan Ipoh ke Batu Gajah. Ini menunjukkan betapa cepatnya Batu Gajah berkembang menjadi pusat ekonomi dan pemerintahan Jajahan Kinta pada masa itu.

UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN

## 4.2 SEJARAH TARIAN DABUS

Tarian Dabus adalah sejenis tarian tradisional yang kaya dengan nilai-nilai budaya dan sejarah. Asal-usul tarian ini tidak dapat dipastikan dengan pasti, tetapi terdapat beberapa pandangan dan interpretasi yang mengenai asal-usul Tarian Dabus. Melalui kisah lisan yang telah disampaikan dari generasi ke generasi. Pada zaman pemerintahan Khalifah Zainal Abidin, tarian ini dianggap sebagai salah satu permainan masyarakat Islam. Menurut cerita lisan, masyarakat pada masa itu menghadapi banyak perselisihan dan konflik yang membawa kepada peperangan antara puak. Tarian Dabus dicipta sebagai tindak balas kepada ketegangan ini dan bertujuan untuk menakutkan pihak lawan. Pada mulanya, Tarian Dabus dikaitkan dengan pengikut Saidina Ali, yang kerap terlibat dalam gerakan ini. Awal-awalnya, tarian ini mempunyai nuansa yang lebih tragis dan kejam, menunjukkan keadaan konflik yang sengit. Pada mulanya, penari Dabus dianggap tahan terhadap senjata api dan bahkan boleh melakukan perkara seperti berjalan di atas api. Tarian Dabus telah berkembang dan diubah, dengan beberapa elemen yang lebih ekstrem dihapuskan. Walau bagaimanapun, sejarah asal-usulnya masih menjadi sebahagian daripada warisan budaya masyarakat Melayu dan Islam, menunjukkan konteks sejarah yang rumit dan fungsinya untuk meluahkan perasaan dan konflik pada zamannya.

Menurut beberapa sumber, Tari Dabus mempunyai kaitan dengan budaya Arab. Dipercayai bahawa perkataan Arab "dabābīs", yang bermaksud ahli sihir atau makhluk ghaib, adalah asal usul istilah "dabus." Ini menunjukkan bahawa tarian ini mempunyai unsur mistik atau keagamaan, dan beberapa pergerakannya dikaitkan dengan tarian Arab. Tarian Dabus mempunyai asas dalam budaya Melayu, walaupun terdapat pengaruh Arab. Menurut beberapa ahli sejarah, tarian ini mungkin muncul sebagai satu bentuk ekspresi kesenian rakyat Melayu yang dipengaruhi oleh nilai tradisi, kepercayaan dan mitos tempatan. Tarian Dabus juga dikaitkan dengan upacara dan amalan adat Melayu. Tarian Dabus adalah sebahagian daripada upacara keagamaan atau ritual dalam sesetengah masyarakat Melayu. Ia dilakukan untuk tujuan tertentu, seperti mendapatkan kesembuhan atau melindungi diri daripada kuasa ghaib.

Sesetengah orang berpendapat bahawa Tarian Dabus mempunyai kaitan dengan sejarah peperangan Melayu. Tarian ini mungkin menunjukkan penglibatan dalam pertempuran atau penghormatan kepada pejuang yang mati dengan melakukan gerakan yang melukai tubuh dengan benda tajam.

Tarian dabus adalah seni persembahan dan mempunyai makna simbolik dan ritualistik. Perubahan dalam masyarakat Melayu dalam bidang sosial, budaya dan politik mungkin mempengaruhi perkembangan dan perkembangan tarian ini. Tarian Dabus kekal sebagai komponen penting dalam warisan seni dan budaya Melayu yang dihormati dan diwarisi turun-temurun, walaupun asal usulnya tidak diketahui.

UNIVERSITI  
—  
MALAYSIA  
—  
KELANTAN

#### **4.3 BIODATA PENGGIAT SENI TARIAN DABUS**



**Gambar 1: Mat Rosnan Bin Hashim**

Sumber: Kajian Lapangan 2023

Artis Dabus Mat Rosnan Bin Hashim dilahirkan pada 11 Jun 1979 di Kg. Tanjung Bidara terletak di Kampung Gajah, Perak. Beliau pergi ke Sekolah Rendah Kg. Tanjung Bidara dan seterusnya di Kampung Gajah Sekolah Menengah Dato' Seri Maharaja Lela. Di sivilullah Mat Rosnan mula menyelami dunia seni Dabus dan Lotah. Beliau telah bekerja sebagai pemain gong dan juga penyanyi korus dalam persembahan Dabus selama hampir 30 tahun. Rosnan menyatakan bahawa dia telah mengambil bahagian dalam Kumpulan Dabus Tanjung Bidara pada usia kira-kira lima atau enam tahun. Kumpulan itu terdiri daripada lebih kurang dua puluh orang pada masa itu, dan hampir semua daripada kami mempunyai hubungan persaudaraan. Melalui petikan dari temu bual pengkaji bersama En. Mat Rosnan, beliau menyatakan, “Penglibatan terawal saya dalam Kumpulan Dabus Tanjung Bidara ini seawal usia saya lebih kurang 5 atau 6 tahun.”. Menurut perkongsian En. Mat Rosnan lagi, “Ketika itu kumpulan ini terdiri daripada lebih kurang 20 orang dan hampir semua daripada kami mempunyai hubungan tali persaudaraan.”. Apabila waktu berlalu, lebih sedikit orang yang menari tarian Dabus. Mat Rosnan kemudiannya berusaha untuk mempelajari seni tarian Dabus yang sangat mencabar. Ketika melakukan adegan menikam tangan menggunakan besi tajam Dabus,tarian Dabus ini memerlukan keberanian dan keyakinan yang tinggi. Beliau lulus dengan baik dan terus berusaha dalam seni Dabus sehingga layak digelar "Khalifah" kerana minatnya yang kuat

terhadapnya. Tahun demi tahun, tokoh-tokoh veteran Dabus dan Lotah semakin hilang dan meninggalkan kita. Mereka adalah individu penting yang telah memimpin kumpulan selama bertahun-tahun dan berfungsi sebagai "Khalifah" kumpulan Dabus. Mat Rosnan telah mengambil peranan penting dalam persembahan Dabus sejak itu, dan ini juga mendorongnya untuk menjadi pemimpin Kumpulan Seni Tradisional Dabus Kg. Tanjung Bidara, wilayah Perak. Usahanya untuk mendaftarkan seni tradisional, yang berusia lebih dari 200 tahun, sebagai sebuah organisasi yang sah menunjukkan kesungguhannya untuk mengekalkan warisan budaya dan agama ini. Selain itu, ini akan membolehkan masa depan dan kesinambungan artis Dabus dan Lotah kekal kukuh dan tidak terpengaruh oleh zaman.

"Pada pendapat saya, kesenian Dabus ini harus dipertahankan, diperkembang dan diperluas ke lain-lain tempat walaupun secara amnya ia berada di Perak," katanya ketika sesi perbualan dengan En. Mat Rosnan.



**Gambar 2: Pengkaji Bersama En.Mat Rosnan**

Sumber: Kajian Lapangan 2023

#### **4.4 SEJARAH KEDATANGAN TARIAN DABUS DI KAMPUNG TANJUNG**

##### **BIDARA, BATU GAJAH, PERAK**

Sejarah ialah rekod atau catatan peristiwa masa lalu. Ini termasuk penyelidikan, interpretasi, dan pemahaman tentang peristiwa. Sejarah mungkin mempunyai pelbagai maksud, tetapi secara amnya, ia bertujuan untuk memberikan maklumat tentang evolusi dan perkembangan manusia, peradaban, budaya, politik, ekonomi, dan aspek lain kehidupan manusia. Fokus utama penyelidikan sejarah adalah untuk mengetahui bagaimana sesuatu telah berlaku di pelbagai tempat di seluruh dunia. Sejarah membantu kita memahami bagaimana keputusan masa lalu mempengaruhi keadaan dan situasi kita sekarang, dan ia juga memberikan wawasan tentang kemungkinan tindakan yang boleh kita ambil pada masa depan. Selain itu, identiti individu, kelompok dan bangsa dipengaruhi oleh pengalaman masa lalu. Untuk memahami prinsip, adat resam, dan kejayaan yang telah membentuk masyarakat kita, kita harus belajar tentang sejarahnya. Oleh itu, sejarah adalah sumber yang sangat berguna untuk dipelajari, difikirkan, dan diinspirasikan untuk memperoleh pemahaman yang lebih baik tentang dunia kita.

Daripada maksud sejarah di atas, objektif pertama dalam penyelidikan ialah mengkaji sejarah bagaimana tarian dabus ini menapak di kawasan Kampung Tanjung Bidara, Batu Gajah, Perak. Banyak sumber telah digunakan oleh pengkaji untuk mencari maklumat lengkap bagaimana tarian ini menapak di negeri Perak sejak sekian lama. Melalui pembacaan saya di dalam buku yang bertajuk “*TARIAN DABUS REBANA & BUSANA PUTERI PERAK, WARISAN PENANDA KEPAHLAWANAN ANAK NEGERI*” yang ditulis oleh Zinitulniza Abdul Kadir, tarian dabus ini diperkatakan mula berkembang di negeri Perak sejak lebih 200 tahun dahulu lagi. Menurut cerita lisan dari turun-temurun, tarian dabus berasal dari negara Asia Barat dan mula berkembang di negara Nusantara. Negeri Perak merupakan laluan penting bagi Selat Melaka ketika itu dan daripada kenyataan ini tarian dabus mula menapak di negeri Perak. Menurut En. Mat Rosnan dalam sesi temu bual yang dibuat oleh pengkaji, beliau mendengar cerita sejarah tarian dabus ini daripada penggiat veteran tarian. Cerita ini dikatakan turun-temurun dari generasi ke satu generasi. Beliau menyatakan tarian dabus ini memang berasal dari negara Asia Barat namun tiada rekod sahih bagaimana tarian ini wujud. Ada banyak teori menyatakan bagaimana susur galur tarian dabus ini menapak di negeri Perak. Pada asasnya, tarian dabus ini menapak di 3 tempat yang berbeza. Menurut Mat Rosnan dalam temu

bual, “Tarian Dabus ini menapak pada 3 tempat iaitu di Kampung Tanjung Bidara, Pulau Tiga, daerah Perak Tengah; di Bagan Datuk dalam daerah Hilir Perak; dan Kampung Pasir Panjang Laut, Sitiawan, dalam daerah Manjung”. Walaupun 3 lokasi itu tidak terlalu jauh di antara satu sama lain, namun setiap satu berpandu kepada teori yang berbeza bagaimana tarian ini datang di tempat tersebut. Menurut kenyataan yang pengkaji lihat di dalam buku yang ditulis oleh Zinitulniza Abd Kadir, kenyataan itu telah dibuat oleh Ismail Yusf, merupakan ketua Kumpulan Kesenian Kampung Tanjung Bidara, beliau menyatakan, “ Disebabkan tiada rekod sahih, maka masing-masing berpegang kepada kisah yang diturunkan generasi awal seterusnya.”. Bedasarkan kepercayaan masyarakat di Kampung Tanjung Bidara, tarian dabus ini dibawa masuk ke Perak oleh Aji Nabi, merupakan saudagar dari negara Arab yang singgah di negeri Perak dalam perjalanan ke Melaka, selepas tiba dari Jambi, Indonesia. Bagaimanapun teori ini berbeza bagi masyarakat Bagan Datuk dan Kampung Pasir Panjang Laut.

Menurut Mat Rosnan dalam sesi temu bual, Sungai Perak suatu ketika dahulu adalah laluan utama bagi perjalanan perahu serta kapal pedangang luar. Ada 3 kampung yang terletak di persisir sungai iaitu Kampung Tanjung Bidara, Bagan Datuk, dan Kampung Pasir Panjang Laut. Ketiga-tiga kampung ini menjadi hentian pilihan sebelum mudik meneruskan perjalanan. Pada zaman dahulu, perjalanan kapal menggunakan laut menuju ke Melaka bergantung kepada tiupan angin. Sementara untuk mencari waktu sesuai untuk berlayar semula, kumpulan pedagang yang singgah ini akan menghabiskan masa mereka dengan berdagang jualan mereka di hentian mereka berhenti dan pada malam hari kumpulan pedagang ini akan berhibur dengan kebudayaan mereka sendiri, termasuklah tarian dabus dan bergendang. Pada zaman itu, masih tidak wujud hiburan yang kita biasa lihat masa kini. Aksi luar biasa tarian dabus ini membuatkan masyarakat pada ketika tertarik dan masyarakat berminat untuk mempelajari sesuatu yang baru. Selepas itu, barulah mereka akan mengubah suai mengikut adat dan budaya masyarakat Melayu seterusnya diturunkan dari generasi ke generasi.



**Gambar 3: Sungai Perak**

Sumber: Kajian Lapangan 2023

UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN

#### **4.4.1 ANTARA TEORI LASAL USUL KEDATANGAN TARIAN DABUS**

| TEORI  | PERNYATAAN   |
|--|--|
| Dibawa oleh Nakhoda Lembang dan Nakhoda Tepah. | <ul style="list-style-type: none"> <li>• Dibawa ke negeri Perak oleh Nakhoda Lembang dan Nakhoda Tepah, merupakan dua pedagang dari Batu Bahara, Sumatera yang awalnya tiba di Telaga Emas, Sitiawan, sebelum mudik ke Kampung Pasir Panjang Laut, dan sterusnya ke Bagan Datuk untuk berdagang, sekaligus memperkenalkan tarian dabus.</li> </ul> |
| Tersebar lebih bawal di Pasai dan Aceh         | <ul style="list-style-type: none"> <li>• Tersebar lebih awal di Pasai dan Aceh, sebelum dikembangkan di Kampung Pasir Panjang Laut, Perak oleh Nakhoda Lembang yang berguru daripada pedagang Fakir Muhammad, anak murid kepada Muhammad Abil Hassan al-Rifai.</li> </ul>  |
| Dibawa oleh pedagang Baghdad                   | <ul style="list-style-type: none"> <li>• Dibawa ke Perak sekitar 1700 oleh pedagang Baghdad, Ahmad Mahyuddin yang berguru permainan dabus daripada Muhammad Abil Hassan al-Rifai.</li> </ul>   |
| Dibawa balik oleh Bendahara Perak              | <ul style="list-style-type: none"> <li>• Dibawa balik Bendahara Perak, iaitu Megat Terawis ketika diperintahkan Sultan Perak ke Aceh untuk membawa pulang Puteri Limau Purut yang menjadi tawanan Sultan Aceh.</li> </ul>  |

**Jadual 1: Teori Kedatangan Tarian Dabus**

#### **4.5 TATACARA DALAM TARIAN DABUS**

Maksud "tatacara tarian" merujuk kepada prosedur atau langkah-langkah yang diikuti semasa penampilan sebuah tarian. Ini termasuk urutan gerakan, langkah koreografi dan arahan teknikal untuk menjalankan tarian dengan betul. Tatacara tarian sering termasuk elemen artistik seperti ekspresi wajah dan interpretasi kisah yang ingin disampaikan melalui gerakan tarian, serta koordinasi penari dan pemahaman yang mendalam tentang pola gerakan dan ritme muzik. Posisi awal, gerakan asas, pola koreografi, sinkronisasi, emosi, dan penutup adalah komponen penting dalam tatacara tarian. Sebelum tarian bermula, posisi awal menetapkan posisi penari. Termasuk dalam gerakan asas langkah kaki, gerakan tangan, dan perubahan posisi. Pergerakan penari di ruang dikawal oleh pola koreografi, yang termasuk perubahan arah, rotasi, dan formasi kelompok, dikawal oleh pola koreografi. Sinkronisasi menunjukkan bahawa penari mesti melakukan gerakan mereka secara serentak dan sinkron dengan muzik atau pemimpin tarian. Ekspresi dan emosi menunjukkan ekspresi wajah dan emosi yang harus disampaikan oleh penari mengikut situasi atau cerita tarian. Penutup menentukan cara tarian berakhir, termasuk posisi dan sikap penari selepas tarian selesai. Tatacara tarian adalah penting untuk menyampaikan pesan atau emosi yang diinginkan oleh koreografer atau penari serta memastikan penampilan tarian dinikmati oleh penonton. Keseluruhan tatacara tarian berfungsi sebagai panduan untuk mewujudkan penampilan tarian yang teratur, cantik, dan bermakna.

Di dalam kajian ini, pengkaji akan menyelidik tatacara tarian dabus dari pantang larang dalam persembahan, permulaan persembahan, alatan yang digunakan, bentuk tarian, pakaian yang digunakan, dan setiap upacara yang ada dalam persembahan tersebut.

#### 4.5.1 **PANTANG LARANG DALAM PERSEMBAHAN**

Dikaitkan dengan unsur mistik, bermain dengan tarian dabus ini tidak boleh sembarangan, malah khalifah dan setiap ahli kumpulan tersebut turut diikat dengan pantang larang dan apabila ada segelintir ahli yang melanggar pantang larang ini bermakna akan mengundang padah. Setiap ahli kumpulan perlu berhati-hati dengan anak dabus, ia memerlukan perhatian dan penjagaan paling utama. Tersalah tindakan dan mengambil sambil lewa dalam penjagaan, ia membolehkan kecelakaan khususnya kepada penari. Anak dabus hanya disimpan oleh khalifah dan hanya dikeluarkan apabila ada persembahan sahaja. Anak dabus dikatakan oleh segelintir penggiat seni dabus ini dijampi dengan ayat suci al-Quran. Perkara ini menyebabkan individu bukan Islam tidak boleh memegangnya secara sembarangan. Selain itu, ahli kumpulan dabus khususnya penari perlu sentiasa dalam keadaan bersih apabila memegang anak dabus. Perkara ini dapat menghalang wanita dalam keadaan haid menyentuh anak dabus kerana mereka tidak dalam keadaan tidak suci. Halangan ini juga bertujuan untuk mengelakkan berlaku perbuatan khianat oleh pihak tertentu. Ada segelintir individu ini mungkin berhajat menguji ilmu dan melakukan aksi yang berbahaya. Anak dabus ini juga tidak boleh disimpan dalam keadaan hujungnya menghala ke atas atau disebut sebagai '*menunjuk langit*'. Dan apabila ingin memegang anak dabus, hujung yang tajam pada bahagian anak dabus ini tidak boleh dihalakan ke perut dan kepala. Ada satu pantang larang yang tidak boleh dibuat oleh mana-mana ahli kumpulan seni ini iaitu menikam anak dabus ke tanah. Perbuatan ini tidak boleh dibuat keran ia akan menyebabkan besi menjadi lemah dan berisiko berlaku kecederaan ketika persembahan.

#### **4.5.1.1 TATACARA PERMULAAN PERSEMBAHAN TARIAN DABUS**

Setiap persembahan dalam tarian tradisional Melayu, acara ritual sebelum memulakan persembahan sering melakukan aksi ritual. Ritual merupakan unsur mistik seperti jampi dan mantera. Mistik melayu pada zaman dahulu sering dikaitkan dengan unsur mistik ini. Fungsi unsur ini mempunyai tujuan yang berbeza sama seperti unsur permulaan persembahan dalam tarian dabus tradisional. Biarpun dibuat untuk tujuan hiburan, beberapa ritual jampi masih perlu disempurnakan sebelum persembahan kononnya bagi menghindar berlaku kejadian tidak diingini. Bagi melengkapkan upacara, satu dulang ‘peralatan khalifah’ alatan untuk melakukan ritual dan perlu ditempatkan bersebelahan khalifah berlangsung persembahan.

#### **ALATAN KHALIFAH MELAKUKAN RITUAL**

| ALATAN           | FUNGSI  |
|------------------|---|
| Kemenyan         | Bau harum kemenyan dikatakan mampu menarik makhluk halus di alam ghaib, sekaligus menjelaskan mengapa perbuatan membakar kemenyan adalah kemestian bagi kebanyakan upacara ritual.<br>   |
| Air tepung tawar | Air rendaman hirisani umbut pisang, pelepas kabung, bunga ati-ati hitam, dan daun sambar yang diikat berangkai serta dijampi untuk beberapa tujuan, antaranya direnjis bagi ‘memagar kawasan’, disapu pada lengan penari untuk membangkit semangat sebelum aksi tikaman, dan menutuo kesan luka serta menawar bisa besi akibat tikaman anak dabus.<br> |

| ALATAN  | FUNGSI  |
|---|---|
| Bertih dan beras<br> | Beras dan bertih goreng diletakkan dalam dua mangkuk berasingan, dan akan diambil segenggam bercampur kedua-duanya untuk dijampi dan ditabur ke sekitar gelanggang persembahan. Fungsinya antara lain dikatakan menyingkir kuasa jahat.   |
| Anak dabus<br>       | Semua anak dabus yang telah diasah perlu diasap dan dijampi khalifah, sebelum diambil sepasang untuk diuji tikamannya pada lengan khalifah. Ritual ini digelar ‘uji setia’, bagi memastikan tikaman menepati ‘perjanjian’- lut dan tembus, tapi tidak mencederakan, juga tidak boleh melebihi had ditetapkan. |

**Jadual 2: Alatan untuk ritual**

UNIVERSITI  
 MALAYSIA  
 KELANTAN

#### 4.5.2 **SENI PERGERAKAN TARIAN DABUS**

Menurut En. Mat Rosnan dalam temu bual, seni pergerakan dalam tarian dabus ini mengikut tradisi Kampung Tanjung Bidara yang mempunyai tujuh susunan bunga tari. Pergerakan dan susunan gerak tari tidak semestinya sama bagi kumpulan dabus di Bagan Datuk dan Kampung Pasir Panjang Laut. Antara seni pergerakan yang ada dalam tarian dabus ini ialah:

- Sembah Adat



- Jalan Itik



- Tari Leret



- Hentak Tengah Tiga



- Ayun Tanjak



- Tikaman



- Sembah Pahlawan



Sumber: Kajian Lapangan 2023

Setiap pergerakan dalam tarian dabus ini mempunyai maksud yang tersendiri. Sembah adat dibuat kerana memberi penghormatan kepada penonton. Ia sebagai tanda hormat daripada penari kepada penonton yang melihat persembahan ini. Perkara ini bergantung kepada tetamu yang hadir. Jika membabitkan kerabat diraja khususnya Sultan, kedua-dua tangan perlu diangkat rapat pada dahi, manakala bagi orang biasa, sembah adat memadai dengan tangan kanan dirapatkan di pinggang hadapan, dan tangan kiri di belakang. Tari leret ditetapkan kepada penari melangkah ke depan dan belakang, kiri serta kanan dengan tangan diangkat tinggi sambil memegang dan menghayun anak dabus mengikut pukulan gendang. Ayun tanjak pula merupakan simbolik pergerakan petani ketika menghayun tajak di sawah bendang. Penari akan mengangkat kaki secara berselang-seli kiri dan kanan, manakala tangan penari akan dihayun menyerupai aksi sedang menghayun tajak. Penari akan berpusing dan penari yang mempunyai berpasangan akan berhenti menghadap satu sama lain. Selesai melakukan pergerakan ayun tajak, penari akan melakukan gerakan seterusnya iaitu hentak tengah tiga, yang dimana penari perlu melakukan lompatan kecil sambil mengangkat sebelah kakinya ke atas secara berselang-seli kiri dan kanan. Kemuncak bagi pergerakan tarian dalam persembahan tarian dabus ini ialah aksi tikaman. Pada zaman dahulu aksi tikaman ini begitu ganas dan jauh lebih keras dari zaman sekarang. Ada dikatakan aksi menikam lengan dan perut pada ketika itu masih lagi dibuat. Untuk melakukan aksi ini memerlukan penari mempunyai keberanian dan keyakinan yang tinggi. Kenyataan dari En.Mat Rosnan, beliau mengatakan pergerakan tarian dabus ini merupakan simbolik kepada petani kerana masyarakat Melayu pada ketika itu sinonim dengan aktiviti pertanian.

#### 4.5.3 **BUSANA YANG DIGUNAKAN**

Tarian dabus digelar sebagai tarian kepahlawanan sehingga menyebabkan busana yang digunakan oleh penari sedikit sebanyak memamerkan ciri pakaian Melayu silam. Busana penari awal dahulu kebiasaannya seperti busana pahlawan turun ke gelanggang, berwarna hitam. Ia bertujuan untuk membangkitkan elemen perkasa kerana busana ini amat sinonim dengan busana hulubalang Melayu zaman dahulu. Walau bagaimanapun, jenis warna dan pakaian yang ingin digunakan tiada syarat yang tetap dan bergantung kepada khalifah yang akan menentukan busana dan warna perlu dipakai. Wujud tiga keperluan busana dalam setiap persembahan dabus. Antara yang perlu memakai busana ialah penari, pemuzik dan khalifah. Pakaian penari lelaki kebiasaan mirip kepada pahlawan Melayu. Penari akan berbaju Melayu, berseluas panjang, bersamping, dan lengkap bertanjak. Adakalanya penari lelaki akan memakai pakaian seperti busana silat Melayu.



**Gambar 15: Busana Penari Lelaki**

Sumber: Kajian Melalui Rujukan Laman Web 2023



**Gambar 16: Busana Penari Lelaki**

Sumber: Kajian Melalui Rujukan Laman Web 2023

Busana penari wanita pula mengambil elemen pakaian Puteri Perak iaitu pakaian Puteri Limau Purut. Pakaian itu berbentuk berkurung cekak musang, berseluar Acheh, dan bersamping dagang yang dikemaskan oleh tali pinggang. Busana Puteri Perak merupakan pakaian adat yang turut dikenali sebagai pakaian potong Aceh - Perak atau busana Puteri Limau Purut. Merujuk kepala tulisan Dr. Siti Zainon Ismail menerusi buku yang bertajuk “ Pakaian Cara Melayu” (2009), busana ini mencirikan lima keping iaitu terdiri daripada seluar Aceh songket sutera bertenuun benang emas motif jong sarat, baju berleher cekak musang berkancing tujuh, bersamping dagang luar, berbengkung lengkap hiasan pending pada pinggang, dan berselendang panjang dilampai pada bahu kanan dan hujung sebelah lagi disangkut pada lengan kiri. Pakaian Puteri Perak mempunyai banyak persamaan ketara dengan pakaian wanita Acheh dan pengaruh itu dibawa masuk ke dalam negeri Perak menerusi perkahwinan yang berlaku dalam hubungan istana Perak dan Aceh.



**Gambar 17: Busana Penari Wanita**

Sumber: Kajian Melalui Rujukan Laman Web 2023



**Gambar 18: Busana Puteri Perak**

Sumber: Kajian Melalui Rujukan Laman Web 2023

KELANTAN

#### **4.6 TATACARA MUZIK DALAM PERSEMBAHAN TARIAN DABUS**

Dalam persembahan tarian Dabus di Negeri Perak, terdapat beberapa langkah yang mendukung suasana tradisional dan budaya daerah. Dalam kes ini, persembahan Dabus di Negeri Perak menggabungkan pelbagai elemen yang penting untuk mewujudkan kesan artistik yang memukau. Pilihan muzik tradisional adalah langkah pertama yang sangat penting. Pemuzik dan koreografer harus dengan teliti memilih komposisi muzik yang mencerminkan budaya Melayu atau Jawa untuk mewujudkan keseimbangan yang harmoni dengan tema tarian Dabus. Tatacara musik Dabus bergantung pada instrumen tradisional. Gamelan Melayu, kendang, rebana, dan gong adalah instrumen yang dipilih untuk memberikan identiti yang kuat kepada persembahan dan menghasilkan nuansa musical yang sebenar. Dalam pengaturan muzik, ritma dan tempo juga diambil kira dengan teliti. Kesan keseluruhan yang dinamik dihasilkan oleh ritma yang dinamik dan tempo yang sesuai. Improvisasi adalah komponen yang boleh menambah kreativiti dan spontanitas kepada tatacara musik Dabus. Para musisi dan penari boleh bekerjasama untuk menghasilkan elemen musical yang unik dan luar biasa. Pemuzik dan penari mesti bekerjasama dengan baik. Untuk memastikan keseluruhan kesan artistik yang seimbang dan mengesankan, pengaturan muzik disesuaikan dengan struktur koreografi untuk mengharmonikan antara gerakan tarian. Setiap langkah dalam tatacara muzik ialah pemilihan lagu untuk setiap bahagian tarian, seperti pembukaan, puncak, atau penutup. Tujuannya adalah untuk mewujudkan perjalanan musical yang menyeluruh yang meningkatkan pengalaman penonton. Terakhir, konsistensi cerita atau tema muzik yang dipilih adalah sangat penting. Tema tarian Dabus, yang mencerminkan warisan budaya Negeri Perak, harus didukung dan diperkaya oleh pilihan muzik yang dipilih. Untuk memberikan kesan yang tidak dapat dilupakan kepada penonton, persembahan tarian Dabus di Negeri Perak boleh menghasilkan pengalaman artistik yang mendalam yang memadukan elemen-elemen tradisional dengan inovasi moden. Ini boleh dicapai dengan mematuhi tatacara muzik ini dengan teliti.

#### **4.6.1 ELEMEN YANG MEMPENGARUHI MUZIK DAN LIRIK DALAM TARIAN**

##### **DABUS**

Nyanyian dalam persembahan tarian dabus cenderung kepada bernasyid, dan ia merupakan sebagai penanda bermulanya persembahan. Pada awal persembahan tarian dabus ini, lagu-lagu dalam persembahan tarian dabus dinyanyikan dalam bahasa Arab dan dilenggokkan dengan gaya serta melodi yang biasa dinyanyikan oleh masyarakat Asia Barat. Selepas beberapa generasi yang mempersembahkan tarian dabus ini, lirik lagu dabus ini diterjemahkan dan dinyanyikan secara campuran menggunakan dua bahasa iaitu bahasa Arab dan bahasa Melayu. Menurut En. Muhammad Razi bin Abd. Manap, merupakan salah seorang ahli muzik dalam kumpulan Dabus Warisan Tanjung Bidara, beliau menyatakan nyanyian lagu-lagu dalam tarian dabus ini berdasarkan kitab berzanji atau marhabban. Lagu-lagu ini tidak boleh diubah sesuka hati. Lagu ini bukan lagu sembarangan kerana keseluruhan nyanyian berselang dengan berzanji dan memuji Allah serta Rasul.

#### **4.6.2 TATACARA PERSEMBAHAN MUZIK DALAM TARIAN DABUS**

Nyanyian dalam persesembahan tarian dabus dipecahkan kepada dua segmen iaitu nyanyian pembukaan dan nyanyian tarian. Nyanyian pembukaan merupakan segmen nyanyian doa selamat dan perlu dilakukan secara solo. Lagu dalam segmen pembukaan ini pendek dan membabitkan empat baris rangkap yang akan disahut secara berkumpulan oleh pemain muzik. Pemuzik akan memukul gendang, baris pertama dan ketiga akan disahut dengan sebutan ‘Allah’ manakala baris kedua dan akhir disahut dengan sebutan ‘Rasulullah’.

Berakhir segmen pertama ini, segmen kedua iaitu nyanyian tarian akan dimulakan. Segmen ini dimulakan dengan nyanyian solo bagi baris pertama lagu, selepas itu baris seterusnya disambut berterusan oleh penyanyi secara berkumpulan.

UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN

#### **4.6.3 LIRIK TARIAN DABUS**

Dalam penyelidikan ini menunjukkan salah satu lirik lagu nasyid dalam tarian dabus. Lagu ini digunakan dalam segmen pertama iaitu segmen nyanyian doa selamat.

HADI

BISHARIN RABIE

QAD BAWA NURUHAL A'LA

FAYA HAB BAZ BADRU

BIZA KAL HEMA YUJLA

JAWAB

MURA DISIN, ALLAH MURA DISIN

KAMALA IZIN ALLAH MURADIN

MURA DIYA ALLAH MURA DIYA

KAMALA IZIN ALLAH MURADIN

HADI

TANAQAL FI ADHLABI ARBABI SUDADIN

KAZAL' SHAMSUFI ABRAJIHA

TATANAQQAL

JAWAB

SA...LE LA MAHKOTA ALAM

BUKIT ZAMAN KUBUR AULIA

MARI DITUNTUT BESI YANG TAJAM

BUAT PENAWAR BESI YANG BISA

**PETIKAN NASYID TARIAN DABUS**

Lagu diatas merupakan petikan lagu nasyid bagi memohon doa selamat untuk melembutkan besi anak dabus ini. Lagu dalam persembahan dabus mempunyai ‘hadi’ dan ‘jawab’ yang disampaikan berselang-seli secara berterusan tanpa putus. Hadi menyanyikan lagu ini dalam bahasa Arab, ia merupakan zikir yang memuji kebesaran Allah SWT serta junjungan besar Nabi Muhammad SAW yang diambil daripada kita berzanji. Bahagian lagu ini biasanya tidak diubah. Ia berbeza dengan bahagian jawab kerana ia boleh diubah suai mengikut kaedah yang bersesuaian seperti memasukkan elemen tertentu, termasuk pujian, nasihat.

#### **4.6.4 ALAT MUZIK DALAM PERSEMBAHAN TARIAN DABUS**

Untuk melengkapkan mengharmonikan persembahan tarian dabus, alat muzik amat penting kerana ia dapat mempengaruhi semangat, rentak, dan gerak tari penari dan penonton. Bilangan ahli muzik dalam setiap persembahan melibatkan satu gong, enam orang bermain gendang, pemain rebana dan penari untuk bermain dengan alatan anak dabus.

##### **4.6.4.1 ALAT MUZIK DALAM TARIAN DABUS**

| ALAT MUZIK  | FUNGSI  |
|---|---|
| Gong<br> | <ul style="list-style-type: none"> <li>• Penanda tempo pergerakan tarian.</li> </ul>  |
| Gendang   | <ul style="list-style-type: none"> <li>• Menjadi penalu dan peningkah .</li> <li>• Mempengaruhi semangat penari.</li> </ul> |

|   |  |
|---|--|
|                  |  |
| Rebana Besar<br> | <ul style="list-style-type: none"> <li>Untuk peningkahan bunyi dan pergerakan penari.</li> </ul>   |
| Anak Dabus<br>   | <ul style="list-style-type: none"> <li>Dijadikan props atau kelengkapan tarian.</li> <li>Ia juga dijadikan sebahagian alat muzik persembahan kerana hasil dari bunyi gemerincing anak dabus yang dihayun oleh penari dijadikan pembangkit semangat.</li> </ul> |

**Jadual 3: Alat Muzik dalam persembahan Tarian Dabus**

UNIVERSITI  
 MALAYSIA  
 KELANTAN

#### 4.7 **KESIMPULAN**

Secara keseluruhan, kajian ini melibatkan sejarah Batu Gajah, Perak, dan tarian Dabus, serta biodata artis tarian Dabus. Objektif kajian adalah untuk mengetahui sejarah kedatangan tarian Dabus ke Kampung Tanjung Bidara, Batu Gajah, Perak; objektif kedua adalah untuk membincangkan tatacara tarian; dan objektif ketiga adalah untuk membincangkan tatacara muzik. Semua ini menunjukkan warisan budaya yang kaya dan kompleks. Kita boleh memahami asal-usul tradisi Batu Gajah sebagai komponen penting dalam konteks di mana tarian Dabus berasal. Ini boleh dicapai dengan melakukan kajian sejarah. Sejarah tarian Dabus menunjukkan nilai dan budaya masyarakat setempat. Dalam konteks artistik, biografi artis tarian Dabus menawarkan dimensi unik, memberikan pengetahuan dan kemahiran yang memberi warna kepada warisan.

Fokus utama penyelidikan mengenai kedatangan tarian Dabus di Kampung Tanjung Bidara adalah untuk menunjukkan betapa pentingnya tradisi itu diteruskan dan bagaimana ia telah menjadi sebahagian daripada kehidupan masyarakat setempat. Untuk mendapatkan pemahaman yang lebih baik tentang cara pergerakan dan ekspresi artistik tarian Dabus menggambarkan ciri-cirinya yang berbeza, objektif kedua memberi tumpuan kepada prosedur tarian. Oleh itu, objektif ketiga, yang melihat prosedur muzik dalam tarian Dabus, menekankan betapa pentingnya untuk mewujudkan keharmonian antara muzik dan pergerakan tarian. Pengalaman artistik yang mengasyikkan dicipta oleh pemilihan instrumen tradisional, irama, tempo dan penglibatan improvisasi, yang mencerminkan keindahan dan kekayaan warisan budaya.

Kajian ini menggabungkan elemen sejarah, seni dan budaya untuk mencatat asal-usul tarian Dabus di Batu Gajah, Perak. Ia juga menghidupkan dan meraikan kekayaan warisan budaya yang diwariskan turun-temurun. Secara keseluruhan, penyelidikan ini membantu memahami dan mengekalkan warisan budaya yang berharga dan memberikan pemahaman yang mendalam tentang bagaimana seni membentuk dan mengekalkan identiti masyarakat.

## BAB 5

### **CADANGAN DAN KESIMPULAN**

#### **5.0 PENGENALAN**

Tarian Dabus, warisan budaya yang terdapat di sesuatu kawasan, adalah subjek penyelidikan ini. Aspek penting termasuk sejarah tarian, profil penggiat seni, dan prosedur tarian dan muzik. Untuk mendapatkan pemahaman yang menyeluruh tentang peranan dan kepentingan tarian Dabus dalam mengekalkan identiti dan warisan budaya, pendekatan antara disiplin telah digunakan. Secara keseluruhannya, kajian ini menjelaskan kompleksiti dan nilai budaya yang terkandung dalam tarian Dabus. Apabila sejarah dan perkembangan tarian, biografi artis, dan prosedur muzik dan tarian digabungkan, ia membentuk kisah yang meningkatkan pemahaman kita tentang prinsip dan adat yang dibawa oleh seni persembahan ini. Keputusan umum kajian ini adalah bahawa memelihara dan menghormati seni tradisional sebagai sebahagian penting daripada identiti dan warisan budaya sesebuah masyarakat adalah penting.

#### **5.1 RUMUSAN ANALISIS KAJIAN**

Tujuan analisis kajian ini adalah untuk menyelidik dan memahami secara menyeluruh tiga aspek utama tarian Dabus di kampung Tanjung Bidara. Aspek-aspek ini termasuk sejarah kedatangan tarian itu, cara tarian itu dilakukan, dan cara muzik digunakan dalam persembahan Dabus. Tujuan kajian ini adalah untuk mengkaji secara terperinci sejarah tarian Dabus, bermula dengan penciptaannya dan berkembang menjadi sebahagian daripada budaya tempatan di kampung Tanjung Bidara. Selain itu, analisis akan membincangkan secara menyeluruh langkah tarian, ekspresi artistik dan teknik muzik yang digunakan dalam penganjuran persembahan Dabus. Secara keseluruhannya, kajian ini bertujuan untuk memberikan pemahaman menyeluruh tentang bagaimana tarian Dabus telah menyumbang kepada warisan budaya dan seni persembahan di kampung Tanjung Bidara, dengan mengambil kira elemen sejarah, gerak tari dan elemen muzik.

## 5.2 **CADANGAN**

Tujuan cadangan ini adalah untuk mereka yang ingin mengetahui lebih lanjut tentang sejarah kedatangan tarian Dabus di Kampung Tanjung Bidara, Batu Gajah, Perak. Saya berhasrat untuk mendokumentasikan sejarah tarian Dabus di kampung ini melalui satu projek dokumentasi dan penyelidikan berstruktur. Berikut adalah beberapa perkara yang boleh individu lakukan. Mengumpul sumber sejarah yang berkaitan adalah langkah pertama dalam projek ini. Ini boleh dicapai dengan menemu bual individu penting dalam masyarakat setempat yang tahu tentang sejarah tarian Dabus. Selain itu, penyelidik mempunyai keupayaan untuk mencari dokumentasi seperti arkib sejarah, gambar lama, dan bahan lain yang mungkin terdapat dalam komuniti atau institusi yang berkaitan. Pengumpulan data peribadi daripada penggiat seni atau individu yang terlibat secara langsung dalam menyebarkan dan memelihara tarian Dabus di kampung akan menjadi tumpuan seterusnya. Perspektif peribadi mereka, pengalaman dan kisah perjalanan mereka dalam usaha mereka untuk mengekalkan dan mengekalkan tarian ini boleh diperoleh daripada temu bual dengan mereka. Selain itu, penyelidikan tempatan adalah penting. Penyelidik akan dapat merasai suasana sejarah dan budaya yang menyelubungi tarian Dabus melalui lawatan turun padang ke kampung Tanjung Bidara. Ia akan memastikan keterangkuman dan kerjasama yang terbaik dengan mewujudkan pasukan penyiasat tempatan yang boleh berinteraksi secara aktif dengan komuniti setempat. Pembangunan bahan pendidikan juga adalah komponen penting projek ini. Menggunakan buku, brosur atau pameran foto sebagai bahan pendidikan boleh membantu menyebarkan maklumat tentang sejarah tarian Dabus. Selain itu, berkongsi pandangan penyelidikan dengan khalayak yang lebih luas boleh dicapai melalui pembentangan atau bengkel yang boleh diadakan dalam tetapan pendidikan atau komuniti tempatan. Akhir sekali, proses pendigitalan dan penerbitan hasil penyelidikan adalah penting. Maklumat boleh diakses dengan mudah oleh orang ramai dengan menukar bahan dan dokumen yang dikumpul ke dalam bentuk digital. Acara pelancaran atau pameran adalah cara terbaik untuk berkongsi hasil kajian dan sejarah tarian Dabus di Kampung Tanjung Bidara.

Tarian Dabus telah menjadi identiti dan warisan budaya Kampung Tanjung Bidara, Batu Gajah, Perak sejak lama. Kita boleh membuat prosedur tarian yang menyeluruh yang melibatkan individu, masyarakat dan kerajaan untuk mengekalkan, menambah baik dan memelihara kekayaan seni ini. Untuk membolehkan orang ramai merasai keindahan tarian

Dabus secara peribadi, tindakan boleh diambil. Individu boleh belajar langkah tarian dan menggunakan pergerakan yang unik untuk menyatakan diri mereka melalui kursus dan latihan yang kerap. Menggalakkan orang ramai untuk menyimpan kenangan, seperti diari atau video senaman, untuk mengabadikan dan berkongsi pengalaman mereka dengan generasi akan datang boleh menyokong usaha ini. Penyertaan aktif dalam persembahan tempatan juga boleh meningkatkan rasa pemilikan tarian Dabus dan membawa kepada pengalaman persembahan yang mengasyikkan. Untuk mengekalkan dan mengamalkan tarian Dabus secara kolektif, adalah penting untuk mewujudkan kumpulan seni dan budaya dalam komuniti. Amalan biasa, perbincangan budaya, dan persembahan komuniti boleh dilaksanakan oleh kumpulan ini, mewujudkan ruang untuk komuniti bersatu dalam usaha pemuliharaan. Pendidikan kebudayaan di sekolah dan institusi pendidikan tempatan akan memperkenalkan keindahan dan makna tarian Dabus kepada generasi muda, manakala pertandingan tarian tempatan boleh memotivasi orang ramai untuk meningkatkan kualiti persembahan. Tarian Dabus memerlukan sokongan kerajaan yang besar. Kesinambungan aktiviti ini boleh dijamin jika kumpulan seni dan budaya mendapat sokongan kewangan. Untuk menyokong amalan, menyimpan peralatan dan mendokumentasikan sejarah tarian Dabus, pusat kebudayaan atau pusat kesenian akan ditubuhkan di kawasan itu. Akan ada asas yang kukuh untuk pemeliharaan warisan budaya jika dasar yang menyokong pemeliharaan seni dan budaya tradisional, seperti menyediakan insentif cukai dan menyokong penyelidikan. Secara amnya, proses tarian Dabus melibatkan individu, komuniti, dan kerajaan untuk mengekalkan tradisi dan membina persekitaran yang membolehkan seni tradisional berkembang. Ajakan ini mewujudkan persekitaran yang menyokong perkembangan dan kelangsungan tarian Dabus dalam jangka masa panjang. Ini memastikan keindahan dan makna budaya ini terus wujud dan memberi inspirasi kepada generasi akan datang.

Di Kampung Tanjung Bidara, Batu Gajah, Perak, Tari Dabus menggunakan pergerakan badan yang indah dan prosedur muzik yang unik. Pendekatan kerjasama yang melibatkan individu, masyarakat dan kerajaan dalam prosedur muzik diperlukan untuk memastikan kesinambungan dan kemajuan seni ini. Dengan mengambil bahagian dalam bengkel dan latihan muzik khusus, individu boleh memainkan peranan penting dalam persada muzik. Kursus boleh diberikan mengenai alat tradisional yang menyokong tarian Dabus, dan orang ramai dijangka mempelajari cara memainkan alat ini. Mereka juga mempunyai keupayaan untuk membuat komposisi muzik atau improvisasi yang mencerminkan kekayaan budaya tempatan,

memberikan rasa yang unik kepada setiap persembahan tarian Dabus. Kumpulan muzik tradisional boleh terbentuk di peringkat komuniti dan bergabung dengan kumpulan tarian untuk berlatih dan bermain muzik. Ini membolehkan tarian dan muzik bekerjasama dengan lebih baik, mewujudkan pengalaman persembahan yang lebih kaya. Untuk menggalakkan pertukaran idea dan meningkatkan prosedur muzik dalam tarian Dabus, pertandingan muzik tradisional atau festival muzik tempatan boleh diadakan. Kumpulan muzik tradisional boleh menerima bantuan kewangan dan logistik daripada kerajaan, yang termasuk menyediakan alat muzik tradisional dan peralatan latihan. Untuk meningkatkan kemahiran pemuzik tempatan, program latihan muzik berkala boleh dilaksanakan. Pusat kebudayaan atau sekolah seni yang difasilitasi oleh kerajaan boleh menjadi tempat untuk mempelajari aspek teknikal prosedur muzik Dabus. Proses muzik dalam persembahan tarian Dabus boleh dipertingkatkan dengan lebih baik melalui kerjasama erat antara individu, masyarakat dan kerajaan. Ini bukan sahaja mewujudkan keharmonian seni, tetapi ia juga menyokong kelestarian warisan budaya dan memberi kesan positif kepada pengalaman seni masyarakat tempatan.



### 5.3 **KESIMPULAN**

Dalam merumuskan projek penyelidikan ini yang merangkumi sejarah kedatangan tarian Dabus di Kampung Tanjung Bidara, Batu Gajah, Perak, serta tatacara tarian dan muzik dalam persembahan Dabus, kesimpulan yang boleh dibuat merangkumi aspek-aspek penting. Permulaan dan perkembangan tarian Dabus ditunjukkan oleh sejarahnya. Mempelajari sejarahnya membantu kami memahami bagaimana dan mengapa tarian Dabus adalah warisan tempatan yang penting. Analisis prosedur tarian dalam persembahan Dabus membolehkan kita memahami ekspresi artistik, makna, dan kerumitan pergerakan tarian. Kehalusan langkah tarian adalah ekspresi budaya yang berakar umbi dalam masyarakat, dan memahami prosedur ini membantu mengekalkan keasliannya. Penyelidikan ini juga menunjukkan kepentingan prosedur muzik dalam persembahan Dabus. Latar muzik adalah komponen penting dalam pengalaman secara keseluruhan kerana ia terdiri daripada instrumen tradisional, irama dan harmoni, yang membentuk atas bunyi yang mewujudkan suasana yang unik. Membangunkan tarian Dabus memerlukan individu dan masyarakat terlibat secara aktif. Usaha untuk melestari dan mengembangkan seni boleh dicapai dengan menubuhkan kumpulan seni dan budaya dengan sokongan penuh kerajaan. Warisan budaya akan dikekalkan dengan baik melalui inisiatif ini, yang akan memberi kesan positif kepada kehidupan masyarakat secara keseluruhan. Hasilnya ialah projek penyelidikan ini bukan sahaja memberikan gambaran yang mendalam tentang tarian Dabus tetapi juga memberikan perspektif dan cadangan untuk mengukuhkan dan memajukan seni ini. Tarian Dabus mungkin terus berkembang sebagai komponen identiti budaya tempatan jika individu, masyarakat dan kerajaan bekerjasama.

## **RUJUKAN**

1. ABD. KADIR, Z. (2018). *Tarian dabus rebana & busana puteri Perak: warisan penanda kepahlawanan anak negeri* (Cetakan Pertama, p. 82). Institut Terjemahan & Buku Malaysia. (Original work published 2018)
2. *Adiguru CENDANA: Mat Rosnan Bin Hashim - BASKL.* (2023, September 20). <https://baskl.com.my/adiguru-cendana-mat-rosnan-bin-hashim/>
3. Fakultas, M., Dan, A., Program, H., Sejarah, S., & Islam, D. (n.d.). *PERTUNJUKAN TARI DABUS GRUP SENA REBUNG KUTELINTANG DI KECAMATAN BLANGKEJEREN GAYO LUES SKRIPSI Diajukan Oleh: NIA UMDAH NIM. 160501063.* Retrieved February 15, 2024, from <https://repository.ar-raniry.ac.id/id/eprint/16932/1/Nia%20Umdah%2C%20160501063%2C%20FAH%20%2CSKI%2C%20082275426686.pdf>
4. Jasbindar, F. A. (2017, January 27). *Tarian Dabus, Tarian Pahlawan Negeri Perak.* <https://www.orangperak.com/tarian-dabus-tarian-pahlawan-negeri-perak.html>
5. *Sejarah Daerah - PDT Batu Gajah - e-Tanah Perak.* (n.d.). Ptg.perak.gov.my. <https://ptg.perak.gov.my/portal/web/batu-gajah/sejarah>

6. Sulong, M. A., Saidon, Z. L., & Hashim, N. S. N. (2013). Muzik Tradisi Tari Rakyat Perak: Suatu Pendekatan Etnomuzikologi: (Music Tradition In Perak Traditional Dances: An Ethnomusicological Approach). *Malaysian Journal of Music*, 2(1), 72–105. <https://ojs.upsi.edu.my/index.php/MJM/article/view/647>
7. *View of The Cosmological Dimension of the Dabus Dance: Purification and Healing Practices.* (n.d.). Jurnal.dbp.my. Retrieved February 15, 2024, from <https://jurnal.dbp.my/index.php/Melayu/article/view/4476/1325>
8. (2021). [Upm.edu.my.  
\[https://pkkssaas.upm.edu.my/heritage/seni\\\_warisan\\\_tarian/tarian\\\_dabus-61053\]\(https://pkkssaas.upm.edu.my/heritage/seni\_warisan\_tarian/tarian\_dabus-61053\)](https://pkkssaas.upm.edu.my/heritage/seni_warisan_tarian/tarian_dabus-61053)

## LAMPIRAN



Sumber: Kajian Pembacaan Buku 2023

**remetaan Sejarah & Latar Belakang Seni Dabus Perak**


3

Zarina Hj. Sarifan (1996) berpendapat tarian Dabus mula dimainkan di kawasan Perak Tengah iaitu di pekan dan kawasan Tanjung Bidara, Parit, Pasir Salak dan Bota.

Kemudian merebak ke Kg. Telega Nenas (Manjung), Kg. Pasir Panjang Laut (Setiawan), ke Bagan Datoh serta Kuala Selangor. (Rozimah Bidin).

Kumpulan Dabus Tanjung Bidara, Kampung Gajah (2005) turut menyatakan tarian Dabus berasal dari Aceh. Ia dikatakan dibawa oleh Tok Pawang Bakar yang merantau ke Aceh, dan berkahwin dengan orang Aceh. Anaknya Alang Dolah merantau ke negeri Perak dan menetap di Tanjung Bidara. Beliau dikatakan berkahwin dengan orang tempatan dan dikurniakan anak bernama Haji Salleh (Mohamad Nazri Ahmad, 1998). Haji Salleh dikatakan mengaktifkan tarian Dabus dan setelah meninggal dunia diteruskan oleh sepupunya Seteh bin Anjang Ria.

Sumber: Kajian Lapangan 2023



Sumber: Kajian Lapangan 2023



Sumber: Kajian Melalui Aplikasi Youtube 2023



Sumber: Kajian Lapangan 2023



Sumber: Kajian Lapangan 2023



### **Gambar Bersama Penggiat Seni bagi Tarian Dabus, En.Mat Rosnan**

Sumber: Kajian Lapangan 2023



UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN